

"OLEH kerana itu beta sangatlah berharap supaya setiap agensi kerajaan akan dapat menyokong sektor swasta, serta memberinya prioriti besar, khusus bagi penubuhan dan pengendalian perniagaan-perniagaan kecil dan sederhana yang dimiliki oleh rakyat jelata." - Titah Sempena Menyambut Tahun Baru Masihi 2005 pada 20 Zulkaedah 1425 / 1 Januari 2005.

# Pelita Brunei

## BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"KATAKANLAH wahai Muhammad, kalauolah semua jenis lautan menjadi tinta untuk menulis kalimah-kalimah Tuhanmu, sudah tentu akan habis kerang laut itu sebelum habisnya kalimah-kalimah Tuhanmu, walaupun Kami tambah lagi dengan lautan yang sebanding dengannya sebagai bantuan." - Surah Al Kahfi, ayat 109.

TAHUN 55 BILANGAN 1

2 JANUARI 2010 / 1431 محرم 16

EDISI SABTU

PERCUMA

# Kerajaan komited tingkat kesajahteraan rakyat



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah Sempena Tahun Baru Masihi 2010. - Foto : Haji Mohammad Yusof Mohd. Yassin.

**BAGINDA percaya masih ada ruang untuk meneliti dan memperkenalkan skim-skim penabungan alternatif atau tambahan bagi menampung keperluan-keperluan asas seperti keperluan perumahan.**

## 3,429 MASUKI PRASEKOLAH 2010

Oleh : Zabaidah Haji Salat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu 30 Disember. - Seramai 3,429 murid prasekolah akan memulakan sesi persekolahan mereka bagi tahun 2010 yang akan bermula pada hari Isnin, 4 Januari depan. Daripada jumlah tersebut seramai 1,765 adalah murid lelaki dan 1,664 murid perempuan. Walau bagaimanapun jumlah tersebut tidak termasuk murid-murid prasekolah bagi sekolah-sekolah rendah swasta.

Mereka adalah terdiri dari kanak-kanak yang berumur lima tahun iaitu yang lahir pada tahun 2004, walau bagaimanapun pertimbangan khas juga diberikan oleh Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan bagi kanak-kanak yang lahir pada Januari hingga 31 Mac 2005.

Menurut Pemangku Tugas-Khas Kanan Ba-

hagian Rendah, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Aidin bin Haji Abu Bakar di Sesi Temu Bual wakil PELITA BRUNEI bersama beliau, bahawa jumlah tersebut adalah menurun jika dibandingkan dari jumlah tahun 2009 iaitu seramai 3,685 murid.

Dari jumlah kemasukan tahun 2010 itu, seramai 2,426 orang murid akan memasuki prasekolah di 62 buah sekolah-sekolah rendah kerajaan di Daerah Brunei dan Muara;

seramai 449 murid prasekolah di 16 buah sekolah-sekolah rendah kerajaan di Daerah Belait; 445 murid prasekolah di 29 buah sekolah-sekolah rendah kerajaan di Daerah Tutong dan 109 murid prasekolah di sebelas buah sekolah-sekolah rendah kerajaan di Daerah Temburong. Keseluruhan sekolah-sekolah rendah kerajaan yang akan menerima murid prasekolah tahun 2010 ialah sebanyak 118 buah.

Lihat muka 5

Oleh :  
Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,  
Samle Haji Jait

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, kerajaan baginda komited menjalankan sebarang kajian terhadap apa jua dasar demi kesajahteraan rakyat dan penduduk.

"Menyentuh mengenai kesajahteraan ini, mulai esok, 1 Januari 2010, kita akan menguatkuasakan Skim Persejahteraan Caruman Tambahan atau SCP bagi kedua-dua sektor awam dan swasta, khususnya bagi mereka yang di bawah Skim Tabung Amanah Pekerja atau TAP, yang juga ada kaitannya dengan pertambahan umur persaraan kepada 60 tahun," titah perutusan baginda sempena menyambut Tahun Baru Masihi 2010 yang disiarkan ke seluruh negara melalui Radio Televisyen Brunei.

Dalam hubungan itu, baginda percaya masih ada ruang untuk meneliti dan memperkenalkan skim-skim penabungan alternatif atau tambahan bagi menampung keperluan-keperluan asas seperti keperluan perumahan.

Menyentuh dalam usaha-usaha pembangunan, baginda bertitah menekankan semua itu juga menjadi perhatian.

Ke arah itu, baginda mengalu-alukan langkah-langkah pemberian yang telah dan sedang diambil sejaoh ini bagi mempercepat dan mempermudahkan lagi semua orang ramai, termasuk yang berkaitan dengan urusan-urusan memulakan perniagaan.

"Dengan adanya pembaikan-pembaikan seperti ini, tidak mustahil kedudukan negara dalam senarai Ease of Doing Business boleh meningkat lagi," titah baginda.

Negara Brunei Darussalam berada dalam kedudukan yang ke-96 dari sejumlah 183 negara yang dinilai menurut dari International Financial Corporation, World Bank bagi tahun 2010.

## SEMANGAT RAKYAT BERPADI DIALUKAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melahirkan kegembiraan beberapa pencapaian telah berjaya diraih oleh Negara Brunei Darussalam pada tahun 2009, sekaliup negara mengalami kejutan, berupa kejadian bencana alam.

Menurut baginda, antara pencapaian telah dan sedang mengorak langkah ialah meningkatkan pengeluaran padi tempatan sebagai usaha ke arah jaminan keselamatan makanan atau food security di negara ini.

"Beta gembira, kerana usaha yang digerakkan oleh kerajaan ini, nampak-nampaknya berjaya menyuntik semangat rakyat untuk sama-sama aktif dalam bidang pertanian. Beta ada mendengar, ramai kini yang suka dipanggil petani, mengusahakan tanah-tanah mereka yang dahulunya hanya terberi. Ini tidak syak lagi, adalah satu perkembangan amat menggalakkan bagi negara," titah baginda.

Lihat muka 2

Sambutan Hari  
Kebangsaan  
Negara Brunei  
Darussalam

52 HARI  
LAGI

### DI DALAM

Muka Surat 21



Muka Surat 12 & 13



MAJLIS Serah Terima  
Tugas Jawatan Pemerintah ABDB

### INTI SARI TITAH

- Memasuki Tahun Baru Masihi 2010 dengan perasaan gembira dan penuh bersyukur negara berjaya melalui liku-liku tahun 2009 dengan penuh cekal.
- Kerajaan berjaya menyuntik semangat rakyat sama-sama aktif dalam bidang pertanian.
- Kerajaan komited jalankan kajian terhadap apa jua dasar demi kesajahteraan rakyat dan penduduk.
- Menurut Bank Dunia, negara berada di kedudukan 96 dari 183 negara yang dinilai.
- Perkhidmatan telus tanpa pilih kasih dan rasuah.
- Kita menghormati sahabat dan sahabat juga menghormati kita.



2 JANUARI 2010 BERSAMAAN 1431 16 محرم

## KERAJAAN KOMITED KESEJAHTERAAN RAKYAT DAN PENDUDUK

**K**EBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah Perutusan Sempena Tahun Baru Masih 2010 dengan penuh tegas menekankan bahawa kerajaan baginda sentiasa komited dalam menjalankan sebarang kajian terhadap apa jua dasar demi kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini. Kerajaan baginda sentiasa menitikberatkan dan mengutamakan kebijakan dan kesejahteraan rakyat termasuk mereka kurang upaya yang meliputi pendidikan, kesihatan, perumahan dan lainnya. Terlalu banyak skim-skim kebijakan yang diberikan oleh kerajaan seperti pencen tua, pencen orang-orang kurang upaya, skim perumahan dengan mewujudkan Rancangan Perumahan Negara dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati dan juga bantuan-bantuan perumahan melalui pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Pendek kata, kerajaan mengelina semua kesejahteraan rakyat tanpa ada yang tertinggal atau tercincir malah semuanya ampit mengelap nikmat kesejahteraan.

Semua ini menampakkan betapa kerajaan baginda amat mengutamakan kontrak sosial yang menjadi teras kepada kehidupan berbangsa dan bernegara. Kerana kerajaan melihat tanpa adanya nikmat kesejahteraan tentu saja kehidupan rakyat akan menjadi melarat dan menanggung kesusahan. Dari ketimpangan itu akhirnya akan menimbulkan kekacauan dan huru-hara. Senario ini dapat disaksikan di mana-mana pelusuk dunia, akibat kelalaian kerajaan yang tidak ambil pusing mengenai kesejahteraan rakyat telah menimbulkan 1,001 macam masalah yang konflik. Namun, bumi Brunei, alhamdulillah tidaklah menghadapi senario sedemikian, berkaitan pemerlukan dan prihatin raja kita yang dikasih. Tegasnya baginda tidak mahu melihat kesusahan rakyat dan juga tidak rela rakyat baginda menderita. Baginda lebih mementingkan dan memberikan 'top priority' kepada kesejahteraan rakyat dari segala-galanya. Hasrat baginda yang utama ialah menjadikan Brunei sifar kemiskinan.

Skim Persaraan Caruman Tambahan atau SCP adalah merupakan komitmen murni kerajaan bagi keselesaan dan kesejahteraan rakyat jelata. Skim SCP yang dititahkan baginda pada 15 Julai 2009 sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-63 Tahun itu telah berkuat kuasa pada 1 Januari 2010. Ini adalah merupakan komitmen terbesar kerajaan dalam memeduli bukan sahaja warga Perkhidmatan Awam tetapi juga mereka yang berkhidmat di sektor swasta dan juga termasuk sektor informal. Ini juga menandakan bahawa kerajaan tidak memandang ringan terhadap hari persaraan terutama mereka yang berpendapatan rendah. SCP juga merupakan skim persaraan yang menyeluruh yang mempunyai beberapa manfaat dan keistimewaan tersendiri. Mereka yang menyertai Skim SCP juga akan berkhidmat sehingga umur 60 tahun iaitu persaraan mandatori genap 60 tahun.

Selain itu, kerajaan juga kini membuat penelitian bagi mengadakan skim-skim penabungan alternatif atau tambahan bagi menampung keperluan-keperluan asas berhubung keperluan perumahan. Kita percaya dengan adanya skim-skim penabungan yang diperkenalkan oleh kerajaan barang setentunya akan dapat menjamin masa depan kehidupan rakyat jelata terutama sekali dalam menghadapi hari-hari tua. Rakyat dan orang ramai setentunya akan menyambut baik apa jua inisiatif kerajaan dalam memperkenalkan skim-skim baru yang manfaatnya bukan sedikit tetapi memberikan jaminan sosial yang menyeluruh kepada rakyat negara ini.

Ini selaras dengan titah baginda di mana kerajaan baginda akan cuba memfokus bagi mewujudkan skim-skim yang memberikan manfaat kepada rakyat. Antara lain baginda bertitah menekankan: "Dalam hubungan ini, beta percaya masih ada ruang untuk meneliti dan memperkenalkan skim-skim penabungan alternatif atau tambahan bagi menampung keperluan-keperluan asas, pada misalnya keperluan perumahan," titah baginda.

Sebagai rakyat yang bernaung di bumi Darussalam, selayaknya kita bersyukur mempunyai seorang raja dan sebuah kerajaan yang sangat pemeludian. Dan sebagai timbal balik amatlah wajar bagi rakyat jelata menumpukan rasa taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada baginda dan kerajaan baginda serta memberikan sokongan dan kerjasama yang padu kepada apa jua usaha-usaha murni kerajaan. Mustahaknya rakyat berpimpin tangan dengan kerajaan dalam melaksanakan dan memacu pembangunan negara yang nikmatnya akan dikecap oleh segenap lapisan rakyat dan penduduk jua. — **Ketua Bahagian PELITA BRUNEI.**

# SEBUAH NEGARA BOLEH RUNTUH TANPA INTEGRITI

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillahir Rahamanir Rahim

**A**LHAMDULILLAH Rabbil'alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuriddunyaa Waddeen, Was-salaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Kita memasuki tahun baru Masihi 2010 dengan perasaan gembira dan penuh bersyukur.

Demikian juga, janganlah lupa untuk bersyukur, kerana negara berjaya melalui liku-liku tahun 2009 dengan penuh cekal, sekalipun sedikit mengalami kejutan, berupa beberapa kejadian yang jarang-jarang berlaku, seperti banjir dan tanah susur dan kemudian menyusuli pula influenza 'A' (H1N1).

Ini semua mempunyai hikmah, selaku isyarat, supaya kita sentiasa bijak dan siap siaga menangani.

Di antara cara yang bijak itu ialah menyiapkan diri dengan perancangan-perancangan besar, dan tidak mengapa, kalau perancangan-perancangan itu diasaskan kepada senario kes terburuk (*worst-case-scenario*), kerana dengan cara itu, persediaan kita akan lebih kemas lagi bagi menghadapi cabaran dan keadaan mendatang.

Di sebalik ujian-ujian tadi, kita mungkin menyedari, bahawa beberapa pencapaian telah turut kita raih di sepanjang tahun 2009.

Antaranya kita telah dan sedang mengorak langkah bagi meningkatkan penilaian padi tempatan sebagai usaha ke arah jaminan keselamatan makanan atau 'food security' di negara ini.

Beta gembira, kerana usaha yang digerakkan oleh kerajaan ini, nampak-nampaknya berjaya menyuntik semangat rakyat untuk sama-sama aktif dalam bidang pertanian. Beta ada

mendengar, ramai kini yang suka dipanggil petani, mengusahakan tanah-tanah mereka yang dahulunya hanya terbiar. Ini tidak syak lagi, adalah satu perkembangan yang amat menggalakkan bagi negara.

Di samping itu, sudah terdapat juga dari kalangan anak tempatan yang sedang giat melaksanakan pelbagai usaha dalam industri pemakanan dan malah sudah ada yang mampu tampil menyertai ekspo-ekspo serantau dan antarabangsa untuk mempromosikan bahan-bahan khas.

Semua ini adalah jalan-jalan kepada kemakmuran dan kesejahteraan.

Menyegenai kesejahteraan ini, mulai esok, 1 Januari 2010, kita akan menguatkuasakan Skim Persaraan Caruman Tambahan atau SCP bagi kedua-dua sektor awam dan swasta, khususnya bagi mereka yang di bawah Skim Tabung Amanah Pekerja atau TAP, yang juga ada kaitannya dengan pertambahan umur persaraan kepada 60 tahun.

Kerajaan beta adalah komited bagi menjalankan sebarang kajian terhadap apa jua dasar, demi kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Dalam hubungan ini, beta percaya masih ada ruang untuk meneliti dan memperkenalkan skim-skim penabungan alternatif atau tambahan bagi menampung keperluan-keperluan asas, pada misalnya keperluan perumahan.

Dalam usaha-usah pembangunan, semua ini adalah turut menjadi perhatian.

gi kita ialah membina sikap untuk terus berbaik-baik dengan semua negara sahabat di dunia.

Prinsip ini kita pegang, selaras dengan ajaran agama kita sendiri, yang menghendaki umatnya supaya saling berkenalan dengan semua bangsa dan kaum di dunia.

Namun perkenalan itu hendaklah diikat oleh prasyarat 'hormat-menghormati'. Dalam erti kata, kita menghormati sahabat dan sahabat juga menghormati kita.


Ini diterjemahkan melalui pelbagai tindak-tanduk, termasuk perkataan, tulisan dan seumpama-

nya. Apa-apa jua yang boleh menyingsing perasaan sahabat, semua itu dapat saja dianggap sebagai tidak memenuhi prasyarat tersebut.

Akhir sekali, beta sukcitai merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua peringkat pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam, pasukan-pasukan keselamatan dan juga kepada mereka yang berkhidmat di sektor swasta di atas segala usaha mereka melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

Di kesempatan ini juga, beta dan keluarga beta tidak lupa mengucapkan Selamat Tahun Baru Masih 2010 kepada seluruh rakyat dan penduduk, dan mengajak mereka untuk sama-sama berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala melimpahkan rahmat dan pemeliharaan-Nya kepada kita dan negara.

Sekian, Wabillah Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Menyambut Tahun Baru Masih 2010, di Istana Nurul Iman.

Jika negara memenuhi etika perkhidmatannya yang telus tanpa pilih kasih dan rasuah, maka insya-Allah, apa jua yang dirancang dan diusahakan akan berjalan dengan lancar dan berkat.

Inilah integriti yang perlulah ada Perkhidmatan Awam, tanpa integriti ini, seseseorang negara boleh runtuh, atau paling tidak, akan kehilangan daya membantunya.

Dalam kesempatan ini, beta ingin juga menyebut mengenai perkembangan serantau dan antarabangsa. Di sudut ini, kita juga tidak boleh lari melainkan mesti sama-sama menghadapi pelbagai cabaran atau duanan.

Yang paling penting ba-

## Dari muka 1

Dalam titah sempena menyambut Tahun Baru Masih 2010 yang disiarkan secara langsung melalui Radio Televisyen Brunei baginda juga berbangga sudah terdapat dari kalangan anak tempatan yang sedang giat melaksanakan pelbagai usaha dalam industri pemakanan, dan malah sudah ada yang mampu tampil menyertai ekspo-ekspo serantau dan antarabangsa untuk mempromosikan keluaran mereka.

Menurut baginda lagi kesemua ini adalah jalan-jalan kepada kemakmuran dan kesejahteraan.

Sektor pertanian, salah satu sektor bukan minyak, perlu dimajukan bagi menjamin sekuriti makanan negara, menambah pendapatan rakyat dan berupaya membantu usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam membasi kekemiskinan. Usaha ini adalah terlalu mencabar memandangkan sumbangan pertanian, kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah sangat rendah, iaitu 1.25 peratus yang bernilai BND76 juta sahaja. Penglibatan tenaga kerja tempatan dan pelaburan dalam negara di bidang pertanian juga adalah amat kecil. Ini juga adalah langkah menghadapi krisis makanan global semasa yang diburukkan lagi dengan masalah cuaca, perubahan iklim dan bencana alam yang berlaku di pelusuk dunia ketika ini.

Dalam pelan strategik Jabatan Pertanian dan Agrimakan, 2008-2013 menyasarkan pengeluaran sebanyak BND612 juta pada tahun 2013 dan BND2.7 bilion pada tahun 2023. Penekanan ini

akan diberikan kepada pembangunan industri padi, industri ternakan dan agrimakan termasuklah Jenama Brunei Halal. Ini juga akan dibangunkan serentak dengan kemajuan komoditi-komoditi lain seperti industri sayur-sayuran, buah-buahan, bunga-bunga dan tanaman hiasan, ubatan serta ternakan. Pengeluaran Beras. Mengikut statistik pertanian 2007, jumlah keperluan beras bagi penduduk negara ini adalah sebanyak 31,242 tan metrik beras dan ianya dianggarkan bernilai sebanyak BND37.05 juta. Jumlah penggunaan per kapita pula dianggarkan sebanyak 80.1 kilogram bagi setiap orang setahun.

Dalam Pelaksanaan Program Peningkatan Beras di Negara Brunei Darussalam bagi menyahut titah Kebawah DYMM, Kementeri-

an Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah merancang untuk meningkatkan pengeluaran beras daripada 3.15 peratus sara diri (982.9 tan metrik setahun) kepada 20 peratus sara diri (kira-kira 5,800 metrik tan setahun) pada tahun 2010 (Pelan Jangka Pendek); dan seterusnya ke tahap 60 peratus sara diri (kira-kira 18,000 tan metrik setahun) pada tahun 2015 (Pelan Jangka Sederhana). Perkara-perkara yang akan menjadi penentu tercapainya matlamat sara diri dalam pengeluaran beras tempatan adalah pengeluaran; permintaan dan harga pasaran serta kos pengeluaran.

Sebahagian besar keperluan beras negara ini adalah diimport daripada luar iaitu sebanyak 29,252 tan metrik bersamaan dengan 96.7 peratus kadar sara diri negara.

## SEMANGAT RAKYAT BERPADI DIALUKAN

### SIDANG PENGARANG

#### Ketua Penyuntingan

Dr. Muhammad Hadi Muhammad Melayong,  
Haji Jaafar Haji Ibrahim

#### Pemberitaan

Zabaidah Haji Salat,  
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omarallie,  
Hezlinawati Haji Abd. Karim,  
Bolhassan Haji Abu Bakar,  
Ak. Jefferi Pg. Durahman,  
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad,  
Abdullah Asgar,  
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,  
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,  
Siti Zuraiyah Awang Sulaiman,  
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

#### Penyemakan

Haji Besar Haji Mamit,  
Yahya Haji Putra,  
Ramlah Md. Nor,  
Atikah Mohd. Asyraf,  
Hajah Sujimawati Mejari,  
Nurul Hazwani Abu Omar,  
Siti Faizahansah Awang Mahani,  
Siti Noorzaimah Haji Noorali,  
Amal Hazirah Haji Maidin,  
Nur Hidayati Haji Haris

#### Penyuntingan

Haji Ahat Haji Ismail, Sahari Akim, Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,  
Siti Muslihat Haji Salleh, Aliddin Haji Moktal

#### Penyelaras dan Reka Letak

Samle Haji Jait, Norliah Md. Zain,  
Haji Ahmad Haji Salim

Hajah Musmariani Haji Mohammad,  
Hafizatul Atikah Abdullah

#### Penterjemah

Hajah Raini Haji Bidin, Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail, Siti Rahmah Haji Abd.  
Hamid, Rosnah Jaludin, Jorrani Haji Zainal, Rudiana Mohd. Salleh,  
Md. Alisman Ismail, Muhd. Zaidan Haji Zinin, Nur Zafirah Md. Hussin

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn) [produksi.pb@information.gov.bn](mailto:produksi.pb@information.gov.bn)  
[iklan.pb@information.gov.bn](mailto:iklan.pb@information.gov.bn) [foto.pb@information.gov.bn](mailto:foto.pb@information.gov.bn)

# Bantuan membina, membaik pulih rumah ringankan beban dua penerima

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

MUKIM PENGKALAN BATU, Selasa, 29 Disember. - Kerjasama dan keprihatinan serta sikap pemeliharaan berterusan pihak-pihak berkenaan telah dapat meringankan beban Awang Mahar bin Ambun serta keluarga beliau.

Awang Mahar menerima bantuan membaik pulih rumah yang memerlukan beberapa pembaikan agar beliau bersama keluarga dapat tinggal dengan lebih selesa dan selamat.

Hadir menyempurnakan penyerahan sijil kesiapan membaik pulih rumah tersebut Pegawai Daerah Brunei dan Muara (DBM), Dato Paduka Awang Haji Md. Yussop bin Bakar yang diadakan di kediaman Awang Mahar, di sini.

kerja-kerja membaik pulih rumah dan penyambungan pendawaian baru bagi rumah tersebut keseluruhannya berjumlah BND12,795.

Dari jumlah itu Jabatan Majlis Ugama Islam (JMUI) menyumbang sebanyak BND6,000, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) sebanyak BND2,000, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) sebanyak BND2,000 dan sebahagian melalui Tabung Amal Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDJB).

Dengan bantuan tersebut, ia membuka lembaran baru kepada Awang Mahar bersama keluarga menjalani kehidupan sehari-hari dalam suasana yang lebih baik.



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Md. Yussop bin Bakar ketika menyampaikan sijil kesiapan membaik pulih rumah kepada Awang Mahar bin Ambun. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

Awang Mahar berasa sangat bersyukur dan terharu serta mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga atas segala usaha dan keprihatinan pihak-pihak berkenaan membantu beliau dan keluarga.

Beliau yang tidak menerima apa-apa bantuan itu bekerja sendiri bagi menyara isteri serta tiga anak beliau yang masih bersekolah.

Terdahulu sebelum itu Pegawai DBM bersama wakil dari YSHHB, JMUI dan JAPEM menyerahkan bantuan rumah baru bagi Dayang Sintan binti Itam di Kampung Junjongan, Mukim Pengkalan Batu.

Jumlah keseluruhan pembinaan rumah Dayang Sintan ialah BND28,500 yang mana pihak YSHHB menyumbang sejumlah BND5,000, JMUI menyumbang BND15,000 dan JAPEM menyumbang

BND5,000 serta selebihnya Jabatan DBM memberikan bantuan kewangan melalui tabung amal jabatan berkenaan.

Dayang Sintan, 61, seorang balu yang sebelum ini mendiami sebuah rumah usang selama lebih 20 tahun juga turut menerima bantuan sumbangan kemudahan asas berupa perabot rumah dari sebuah syarikat pengiklanan.

Dengan adanya bantuan tersebut, akan dapat

meringankan lagi masalah dihadapi oleh kedua-dua penerima itu dan akan membuka lembaran baru dalam meniti kehidupan sehari-hari.

Kerjasama yang berterusan dan keprihatinan serta sikap pemeliharaan pihak-pihak yang berkaitan telah dapat mengungkapkan majlis berkebajikan ini dalam sama-sama memberikan bantuan kepada penduduk-penduduk kampung dan juga orang daif yang memerlukan bantuan.

**JABATAN Majlis Ugama Islam menyumbang sebanyak BND6,000, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah sebanyak BND2,000, Jabatan Pembangunan Masyarakat sebanyak BND2,000 dan sebahagian melalui Tabung Amal Jabatan Daerah Brunei dan Muara**

**BANTUAN BND100 diagihkan kepada kanak-kanak di peringkat sekolah rendah, manakala BND150 bagi mereka yang bersekolah di peringkat menengah. Melalui bantuan tersebut akan menggalakkan kanak-kanak berkenaan meneruskan pelajaran mereka seperti anak-anak yang lain. Permohonan bagi menerima dana tersebut adalah terbuka dan setiap permohonan akan dinilai berdasarkan garis panduan kemiskinan dalam mesyuarat jawatankuasa sebelum diluluskan.**



PENGARAH Pembangunan Masyarakat ketika menyampaikan bantuan wang tunai dari tabung Bantuan Tajaan Kanak-kanak Sekolah (TBTKS) kepada seorang penerima.

## Wawasan strategik terperinci majukan ekonomi negara

GADONG. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mempunyai wawasan strategik terperinci untuk memajukan ekonomi negara ini bertujuan untuk meletakkan pendapatan per kapita negara ini di kalangan sepuhul negara teratas menjelang 2035.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berucap demikian ketika merasmikan Forum Pembangunan Kapasiti Manusia Serantau Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa bagi Asia Pasifik, berlangsung di Hotel Rizqun Antarabangsa, baru-baru ini.

Berakar ubi secara mendalam dalam wawasan strategik itu jelas Yang Berhormat ialah penghargaan bahawa pembangunan sosioekonomi mapan merupakan pencapaian terbaik melalui kepelbagaian ekonomi negara ini,

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

selain dari eksport minyak dan gas kepada ekonomi yang lebih berdasarkan pengetahuan.

Sejajar dengan wawasan strategik untuk mencapai ekonomi berdasarkan pengetahuan menjelang 2035, Yang Berhormat menjelaskan pendekatan pembinaan kapasiti telah diambil pertimbangan yang mengandungi tahap minimum tertentu pengetahuan asas ICT kepada kurikulum pendidikan negara ini.

"Pelbagai program dan peruntukan kewangan telah diperuntukkan kepada kemajuan pembinaan kapasiti manusia. Sebagai tambahan, melalui Program Latihan Kecekapan InfoComm, kerajaan negara ini menyediakan sub-sidi kepada individu untuk mendapatkan pensijilan profesional dan kelayakan ICT yang berkaitan, sesuai dengan fungsi-fungsi kerja mereka," jelas Yang

Berhormat.

Inisiatif-inisiatif bagi mendidik dan melengkapkan kakinangan awam dengan kemahiran-kemahiran ICT jelas Yang Berhormat lagi juga telah giat dilaksanakan.

Yang Berhormat berkata, kunci kepada kejayaan pelaksanaan pembangunan kapasiti manusia sebahagian besarnya bergantung kepada keupayaan dan kesediaan tenaga kerja itu untuk berubah dan ini berkaitan untuk mengubah penetapan minda mereka.

Dalam konteks ini jelas Yang Berhormat, adalah penting untuk memastikan bahawa tenaga kerja terlatih itu bersedia untuk menerima perubahan-perubahan dan melaksanakan perubahan dalam persekitaran kerja mereka.

Jika mereka gagal berubah menurut Yang Berhormat, ia akan menjadi satu pembaziran kecil sumber manusia, oleh itu adalah perlu untuk menyediakan penekanan yang sama pada pengurusan perubahan.

## 98 terima bantuan tajaan kanak-kanak sekolah



PENGARAH Pembangunan Masyarakat, Dayang Hajah Misnah binti Haji Bolhassan ketika menyampaikan bantuan wang tunai dari Tabung Bantuan Tajaan Kanak-kanak Sekolah (TBTKS) kepada seorang penerima.

Oleh : Ak. Haji Mohd. Zukarnaen Pg. Haji Abu Bakar  
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 29 Disember. - 98 kanak-kanak dari keluarga yang kurang berkemampuan menerima bantuan wang tunai dari Tabung Bantuan Tajaan Kanak-kanak Sekolah (TBTKS) bagi meringankan beban ibu bapa mereka membeli keperluan sekolah.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) menyampaikan bantuan tersebut kepada 28 ketua keluarga mewakili kanak-kanak berkenaan.

Pengagihan bantuan berjumlah BND11,650 disempurnakan oleh Pengangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Hajah Misnah binti Haji Bolhassan berlangsung di Bilik Attaqwa, KKBS, Berakas, di sini.

Bantuan BND100 diagihkan kepada kanak-kanak di peringkat sekolah rendah, manakala BND150 bagi mereka yang

bersekolah di peringkat menengah.

Melalui bantuan tersebut akan menggalakkan kanak-kanak berkenaan meneruskan pelajaran mereka seperti anak-anak yang lain.

Dayang Hajah Misnah juga menghargai ibu bapa serta penjaga akan dapat berjimat cermat supaya dana yang diajukan akan dapat digunakan untuk mengurangkan beban mereka membeli buku-buku sekolah anak-anak mereka.

Permohonan bagi menerima dana tersebut adalah terbuka dan setiap permohonan akan dinilai berdasarkan garis panduan kemiskinan dalam mesyuarat jawatankuasa sebelum diluluskan.

Dana bagi TBTKS adalah hasil dari sumbangan orang ramai.

Hubungan itu orang ramai diharap akan terus menyumbangkan derma kepada tabung berkenaan untuk memberikan pemeliharaan kepada yang memerlukan.

Bagi yang berminat untuk menyumbangkan derma kepada tabung tersebut, sila hubungi JAPEM, di Tingkat 2, KKBS.



# 11 pegawai kanan ABDB dinaikkan pangkat

BERAKAS, Selasa, 29 Disember. - Sebelas pegawai kanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) menerima lencana kenaikan pangkat masing-masing, berlangsung di Mes Pegawai Bolkiah Garrison, di sini.

Kenaikan pangkat tersebut adalah atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Upacara kenaikan pangkat disempurnakan oleh Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Laila-

**PEMERINTAH** Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Lilaraja Mejai Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi ketika menyampaikan lencana kenaikan pangkat kepada seorang pegawai (kiri). - Foto : Hatral Hazmi Abd. Hamid.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

raja Mejai Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi.

Seorang pegawai kanan, Brigadier Jeneral Haji Amiuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Muluk Dato Seri Paduka Haji Awang Abidin dinaikkan pangkat kepada Mejai Jeneral.

Sementara itu sembilan Pemangku Leftenan Kolonel yang ditetapkan ke jawatan Leftenan Kolonel Tetap terdiri dari Leftenan Kolonel Abd. Aziz bin Haji Abd. Rahman, Leftenan Kolonel (U) Haji Abdur Rahim bin Haji Abd. Karim, Leftenan Kolonel Abd. Ghani bin Haji Abdullah, Leftenan Kolonel Md. Ismaon bin Haji Zainie, Leftenan Kolonel Haji Abd. Hadi bin Haji Saim, Leftenan Kolonel (L) Othman bin Haji Suhaili, Leftenan Kolonel Idris bin Haji Mat Noor dan Leftenan Kolonel (Dr.) Pengiran Haji Rosman bin Pengiran Haji Ismail.

Manakala dua pegawai yang dinaikkan ke pangkat Pemangku Leftenan Kolonel terdiri dari Mejai Haji Md. Haszaimi bin Bolhassan dan Mejai (Dr.) Md. Hiza Wardy bin Haji Abd. Halim.

Menyaksikan Majlis Penyampaian Lencana Kenaikan Pangkat tersebut ialah pemerintah-pemerintah dan komandan-komandan tentera, pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai ABDB dan Kementerian Pertahanan termasuk ahli keluarga pegawai-pegawai yang dinaikkan pangkat.

Kenaikan pangkat ini adalah salah satu insentif kerja yang diberikan kepada para pegawai ABDB yang telah dengan jayanya menjalani peperiksaan dan proses kelayakan yang diharuskan termasuk penampilan ciri-ciri pemimpin contoh serta menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang perkhidmatan mereka.

## Galeri Kemerdekaan NBD paparkan suasana perayaan sejak 1984

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Disember. - Galeri Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang akan disempurnakan berlangsung di Muzium Brunei di Jalan Kota Batu bertujuan untuk memaparkan suasana kemeriahan semasa upacara Sambutan dan Perayaan Ulang Tahun Hari Kebangsaan sejak negara mencapai kemerdekaan penuh dalam tahun 1984.

Sambutan Jubli Perak Hari Kebangsaan NBD merupakan satu pencapaian yang penting dalam sejarah, justeru itu galeri bersifat kekal ini merakam peristiwa sejarah kemerdekaan dan Sambutan Hari Kebangsaan merangkumi tahun 1984 hingga tahun 2009.

Bahan-bahan pameran yang dipaparkan di Galeri Kemerdekaan itu dapat dijadikan sebagai sumber rujukan kepada masyarakat umum untuk sama-sama memperingati, menghayati dan menghargai kemerdekaan yang dicapai dan pada masa yang sama, pengunjung luar negara dapat mengetahui mengenai perkembangan NBD sepanjang tempoh 25 tahun kemerdekaan.

Galeri dibahagikan kepada enam ruang iaitu; ruang pengenalan, ruang liku-liku kemerdekaan, ruang Sambutan Hari Kemerdekaan pada 1 Januari 1984, ruang Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan kali kedua hingga kali ke-24, ruang Sambutan Jubli Perak Hari Kebangsaan NBD yang telah diadakan pada 23 Februari 2009 dan ruang pencapaian NBD sepanjang 25 tahun mencapai kemerdekaan.

Pengunjung juga berkesempatan melihat secara lebih dekat bahan-bahan cenderamata yang dikeluarkan khas sempena Sambutan Hari Kebangsaan termasuk props-props yang digunakan untuk memeriahkan lagi acara padang.

Lagu-lagu patriotik yang telah dicipta khas untuk Hari Kebangsaan juga dapat didengar, manakala dokumentari khas yang diterbitkan oleh RTB juga turut ditayangkan.

Para pengunjung ke galeri itu nanti juga boleh mencuba menemukan 'puzzle logo' Hari Kebangsaan, yang dicipta berbeza dari setahun ke setahun.

Kandungan pameran ini akan dikemaskinikan dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian kandungan.

Orang ramai yang ingin menyumbangkan sebarang cenderamata, terbitan atau props yang telah digunakan atau diterbitkan berkaitan dengan Hari Kebangsaan adalah dialu-alukan dan boleh menghubungi Jabatan Muzium-Muzium Brunei untuk dijadikan sebagai bahan koleksi dan khazanah warisan negara.

## Ralat

BERITA dan keterangan gambar tetamu kehormat di bawah tajuk 'MPK Sg. Bunga adakan Program Kunjungan Balas ke Sinaut' keluaran Pelita Brunei hari Sabtu, 26 Disember muka surat 6 di paragraf 3 hendaklah dibaca: "Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Awang Mohd. Sahrip bin Othman". - Penyunting.

## Tingkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang fotografi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 27 Disember. - Ahli-ahli Pertubuhan Fotografi diseru sentiasa meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang fotografi yang sentiasa berkembang dan bertambah canggih akibat dari penggunaan teknologi moden di era globalisasi masa kini.

Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong membuat seruan itu ketika merasmikan Mesyuarat Agung Pertubuhan Fotografi Negara Brunei Darussalam Ke-32, berlangsung di Bilik Persidangan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Dr. Muhammad Hadi menjelaskan, adalah wajar bagi setiap ahli persatuan supaya mempunyai sikap terbuka dan sentiasa melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang baru dan moden tanpa mencemarkan etika dan keaslian seni foto itu sendiri bagi mengelakkan kualiti dan mutu seni foto yang dihasilkan.

"Oleh itu ahli-ahli persatuan hendaklah sentiasa peka dengan perkembangan sekeliling dalam bidang fotografi untuk survival dalam bidang ini selaras dengan kehendak masyarakat dan kemajuan dalam bidang kehidupan," jelasnya.

Beliau dalam pada itu juga mengingatkan para jurugambar di negara ini dan ahli persatuan itu khususnya agar sentiasa menjaga nama baik persatuan tersebut serta imej jurugambar di negara ini yang terkenal dengan sopan santun dan penuh beradat istiadat khususnya apabila menjalankan tugas atau melakukan penggambaran dalam majlis-majlis rasmi atau tidak rasmi.

Dengan berbuat demikian jelasnya, adalah di-

harapkan apa yang mereka lakukan dan laksanakan tidak melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak berkenaan supaya mereka tidak keteguran atau tersorok langkah dalam menjalankan tugas di bidang fotografi.

Pengarah Penerangan seterusnya menjelaskan akan peranan sebenar jurugambar yang bukan sajanya merakam apa yang berlaku secara spontan atau dirancang tetapi juga memberi nilai kepada gambar itu sendiri supaya memberi kesan yang baik dalam jiwa setiap manusia yang menatapnya.

Gambar yang dihasilkan oleh seorang jurugambar yang baik kata-nya, harus mempunyai mesej tertentu yang seterusnya membuka minda dan hati manusia yang memandangnya untuk berfikir.



PENGARAH Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong menyampaikan hadiah kemenangan kepada Jurugambar Terbaik Tahun 2009 kepada Joseph Wong Siew Hang di Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Pertubuhan Fotografi Negara Brunei Darussalam Ke-32 berlangsung di Bilik Persidangan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

"Oleh itu dalam menghasilkan mutu dan kualiti gambar, setiap jurugambar hendaklah melaku-

kan dengan niat yang baik dan betul serta tidak bertentangan dengan so-siobudaya dan tata susila

carai hidup kebruneian yang bersandarkan Melayu Islam Beraja," ujarnya lagi.



PENGARAH Penerangan bergambar ramai bersama ahli Pertubuhan Fotografi NBD 2009 sempena mesyuarat berkenaan.

## Joseph Wong Siew Hang, Jurugambar Terbaik Pertubuhan Fotografi NBD 2009

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 27 Disember. - Joseph Wong Siew Hang terpilih sebagai Jurugambar Terbaik Pertubuhan Fotografi Negara Brunei Darussalam bagi tahun 2009.

Penyampaian trofi dan sijil tersebut disempurnakan oleh Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, berlangsung di Bilik Persidangan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Joseph Wong Siew Hang merupakan seorang peniaga peralatan fotografi dan memberikan perkhidmatan fotografik di Daerah Tutong.

Majlis tersebut diadakan semasa perasmian Mesyuarat Agung Pertubuhan Fotografi Negara Brunei

Darussalam Ke-32.

Mesyuarat antara lain meneliti perkara-perkara yang berbangkit, di samping mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Ke-31 serta meneliti laporan setiausaha-setiausaha dan pemilihan jurugambar terbaik tahun 2008-2009.

Pertubuhan Fotografi NBD ditubuhkan pada bulan Jun 1968 dengan objektif bagi meningkatkan kemahiran dan menghargai seni fotografi tanah air.

Bagi membuktikan kemampuan dan kewibawaannya sebagai agen penyebar maklumat selain memelihara warisan bangsa melalui fotografi, pertubuhan itu banyak terlibat dalam menggalakkan aktiviti-aktiviti fotografi sama ada di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Awang Haji Mohd. Daud bin Haji Mahmud semasa menyaksikan Pesta Pameran dan Jualan Promosi Kembali Ke Sekolah 2009, berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



PELBAGAI buku keperluan persekolahan boleh diperolehi di pesta pameran dan jualan promosi berkenaan.

## Promosi kembali ke sekolah, toko buku jadi tumpuan orang ramai

Oleh : Siti Zuraiyah Awang Sulaiman  
Foto : Azmah Haji Ahad

cuti penggal persekolahan pertama tahun depan yang tidak lama lagi akan bermula, toko-toko buku merupakan tempat yang paling laris dikunjungi untuk membeli pelbagai keperluan dan buku-buku per-

sekolah.

Dalam masa yang sama pulak ketika ini berlangsung Pesta Pameran dan Jualan Promosi Kembali Ke Sekolah 2009, berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas membuka peluang kepada orang ramai untuk mencari buku-buku persekolahan anak-anak mereka.

Wakil PELITA BRUNEI menemu bual beberapa orang pengunjung ketika membuat tinjauan ke pesta jualan tersebut dengan menemui Dayang Suzana binti Haji Sajir yang berkunjung ke pesta tersebut bersama keluarganya menyatakan, beliau kebiasaannya akan membeli sedikit demi sedikit dahulu buku-buku yang diperlukan sekolah anaknya.

DAYANG Suzana binti Haji Sajir juga gemar berkunjung ke pesta-pesta jualan buku kerana boleh memperolehi buku-buku dalam satu tempat sahaja.



DAYANG Nooraini binti Haji Hamdani menyatakan, beliau gemar berkunjung ke pesta-pesta jualan buku bagi membeli buku-buku persekolahan anak-anaknya.

DAYANG Suzana binti Haji Sajir juga gemar berkunjung ke pesta-pesta jualan buku kerana boleh memperolehi buku-buku dalam satu tempat sahaja.

Menurut Awang Aidin, sesi kemasukan prasekolah ini adalah merupakan asas bagi memperkembangkan sosioemosi kanak-kanak, di samping pembinaan jati diri mereka sebelum melangkah ke sekolah rendah iaitu Tahun 1 dan seterusnya.

Di samping itu, tegaranya, aspek utama yang diberikan perhatian dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid-murid prasekolah ini, antaranya ialah: galakkan penerokaan benda di sekeliling mereka; perkembangan fizikal, emosi dan sosial; perkembangan kognitif dan intelektual; perkembangan koordinasi dan kemahiran

motor; perkembangan bahasa dan kemahiran numerasi; dan bagi melahirkan daya kreativiti dan ceria di kalangan kanak-kanak dalam melibatkan diri di pelbagai aktiviti.

Di samping itu, jelas Awang Aidin, Bahagian Pendidikan Rendah, Jabatan Sekolah-Sekolah juga penting dalam sama-sama berperanan dalam menyediakan kemahiran asas ke arah pencapaian visi dan misi Kementerian Pendidikan iaitu; Visi: Pendidikan berkualiti ke arah negara maju aman dan sejahtera.

Sementara Misi Kementerian Pendidikan ialah; Untuk memberikan pendidikan yang holistik bagi mencapai potensi yang penuh

## Pameran dan Jualan Promosi Kembali Ke Sekolah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 Disember. - Pesta Pameran dan Jualan Promosi Kembali Ke Sekolah 2009 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) kini kembali lagi bagi persiapan menjelang persekolahan tahun 2010 yang akan datang.

Dianjurkan bersama dengan Jabatan Perkembangan Kurikulum dan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, pesta ini diadakan selama tujuh hari bermula hari ini sehingga 3 Januari 2010.

Ianya disertai oleh beberapa syarikat dan toko-toko buku tempatan dengan menjual pelbagai buku-buku pelajaran serta barang-barang peralatan sekolah bagi kemudahan orang ramai.

Wakil PELITA BRUNEI ketika membuat pendedahan bersama beberapa penjual buku yang mengambil bahagian sepanjang pesta itu berkata, de-

ngan adanya pesta seumur-pama ini secara langsung memberi kemudahan kepada orang ramai untuk membeli keperluan sekolah dalam satu tempat.

Pegawai Buku-Buku Teks di Jabatan Perkembangan Kurikulum, Awang Asri bin Haji Budin yang merupakan salah



PEGAWAI Buku-Buku Teks, Jabatan Perkembangan Kurikulum di Kementerian Pendidikan, Awang Asri bin Haji Budin, menerangkan tentang buku-buku teks yang disediakan oleh jabatannya di pesta berkenaan.

seorang peserta di pesta tersebut menyatakan gera mereka menyediakan barang pengajaran dan pembelajaran berbagai peringkat dari prasekolah.



PEGAWAI Pentadbiran dari sebuah syarikat pembekal buku tempatan, Dayang Siti Rasimah binti Haji Taha berkata, syarikatnya yang telah diiktiraf di negara ini mempromosikan buku-buku teks dan latihan terus ke kedai kami di Kiulap," tambah beliau lagi.

Antara barang yang mereka jual katanya, adalah kemudahan dan keperluan para pengajar dan pelajar seperti perisian-perisian, buku-buku teks dan latihan SPN 21 serta bermacam-macam lagi.

Manakala, Pegawai Pentadbiran dari salah sebuah syarikat pembekal buku tempatan, Comms Harris and Company, Dayang Siti Rasimah binti Haji Taha berkata, syarikat mereka telah diiktiraf sebagai pembekal buku di negara ini yang diterbitkan dari Republik Singapura dengan mempromosikan buku-buku teks dan latihan mengenai SPN21.

"Selain dari para penjual buku, orang ramai juga boleh mendapatkan buku-buku teks dan latihan terus ke kedai kami di Kiulap," tambah beliau lagi.

## SEBAHAGIAN suasana kesibukan di salah satu sudut Pesta Pameran dan Jualan Promosi Kembali Ke Sekolah 2009 yang membuka ruang kepada orang ramai untuk mencari buku-buku persekolahan anak-anak mereka dengan mudah.



SEBAHAGIAN suasana kesibukan di salah satu sudut Pesta Pameran dan Jualan Promosi Kembali Ke Sekolah 2009 yang membuka ruang kepada orang ramai untuk mencari buku-buku persekolahan anak-anak mereka dengan mudah.

bih jimat membeli di negara ini dan alat-alat sekolah tersebut lebih berkualiti.

Tambahnya, buku-buku dan barang keperluan persekolahan tersebut seboleh-bolehnya dibeli lebih awal untuk mengelakkan daripada terpaksa berebut

dengan orang lain yang juga ingin membeli barang-barang persekolahan anak-anak mereka.

Kebiasaannya di pesta jualan buku katanya, kita tidak perlu pergi ke satu kedai ke satu kedai yang lain bagi mencari buku dan peralatan persekolahan kerana semuanya ada di satu tempat sahaja.

## 3,429 MASUKI PRASEKOLAH 2010

Dari muka 1



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Bahagian Rendah, Jabatan Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan, Awang Aidin bin Haji Abu Bakar semasa ditemu bual.

Perkara ini juga menuрутnya, adalah bertepatan dengan 'Dasar Pendidikan Negara Wajib 9 Tahun' iaitu enam tahun di sekolah rendah dan tiga tahun di sekolah menengah.

"Perintah Pendidikan 2003 ini telah memestikan kanak-kanak bersekolah dari prasekolah hingga sekurang-kurangnya ke Menengah Bawah," tegas Awang Aidin lagi.

Bagi murid-murid prasekolah ini, Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, menurut Awang Aidin, telah menyediakan Buku Teks Asas dan Buku Tam-

bagi semua.

### JUMLAH KEMASUKAN MURID-MURID PRA KE SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH KERAJAAN DI SELURUH NEGARA BAGI TAHUN 2010

BIL	KAWASAN	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
1	BRUNEI I	186	215	401
2	BRUNEI II (A)	308	298	606
3	BRUNEI III (B)	238	204	442
4	BRUNEI III	289	254	543
5	BRUNEI IV	218	216	434
6	TUTONG I	143	139	282
7	TUTONG II	93	70	163
8	BELAIT	238	211	449
9	TEMBURONG	52	57	109
JUMLAH SEMUA		1,765	1,664	3,429


\* Data diperolehi sehingga 26 November 2009

bahan, di mana antaranya ialah Siri Cepat Membaca Mengenal Nombor; Aktiviti Mari Belajar Mengira; Ak-

tiviti Mari Membaca; Buku Prabacaan dan Buku Tulisan Prasekolah.

# Ketam 'nipah' pasaran menggalakkan

Oleh :  
Dk. Siti Redzaimi  
Pg. Haji Ahmad  
Foto : Abdul  
Kadir Md. Tahir



**"SUMBER ketam melalui ternakan liar di negara ini adalah sebanyak 40 peratus, 10 peratus adalah dari hasil ternakan kolam dan 50 peratus selebihnya adalah merupakan ketam import dari luar negara seperti Thailand, Viet Nam dan Republik Indonesia."**

- Pengarah Pentadbiran Am dan Setiausaha Syarikat Golden Crab Enterprise, Awang Haji Ramli bin Othman

DALAM kemajuan teknologi hari ini, projek ternakan dan perladangan bukanlah sesuatu yang mustahil lagi.

Dengan menggunakan kepakaran yang ada, seorang itu sebenarnya dalam diam telah menjadikan gudang di kawasan perindustrian atau rumah kedai dua tingkat sebagai 'kebun' atau 'kolam ikan' yang mampu menjana pendapatan bulanan puluhan ribu ringgit.

Lebih membanggakan, konsep yang dinamakan ternakan atau pertanian di dalam bangunan turut mewujudkan peluang perniagaan yang lebih luas kepada mereka yang berminat.

Perniagaan yang dipelopori kemudiannya akan dikembangkan lagi dan diperkenalkan kepada orang ramai yang berminat untuk menjadi ahli bagi melahirkan lebih banyak usahawan tani.

Menggunakan konsep serupa, Golden Crab Enterprise yang diusahakan oleh pengusaha tempatan, telah beroperasi sejak setahun lalu, menerjui dalam bidang akuakultur secara tertutup khususnya ternakan ketam dan merupakan pusat ternakan ketam secara tertutup yang pertama di negara ini.

Menurut Pengarah Urusannya, Pengiran Haji Haris bin Pengiran Haji Duraman, bidang ternakan ketam secara tertutup ini boleh menjimatkan kos perbelanjaan dan pengurusannya adalah mudah.

"Sebelum ini, banyak yang tahu ketam hanya boleh didapati dengan cara tradisional iaitu dengan cara 'membintur' dan ternakan di dalam kolam sahaja," katanya.

Tetapi, tambahnya, dengan adanya teknologi baru dan terkini, ketam 'nipah' juga boleh diternak di dalam bangunan dan mempunyai peluang yang tinggi untuk dikomersialkan kerana permintaannya amat tinggi di pasaran.

Ketam nipah juga dikenali sebagai ketam bakau atau ketam lumpur yang



INILAH ketam yang diternak oleh Syarikat Golden Crab Enterprise.

boleh didapati dalam tiga warna iaitu hijau, coklat dan perang.

Ketam yang membiak secara bertelur ini boleh mencapai berat sehingga tiga kilogram dan mempunyai nilai yang tinggi terutama sekali di restoran-restoran mewah.

## KELEBIHAN

Pengarah Pentadbiran Am dan Setiausaha syarikat berkenaan, Awang Haji Ramli bin Othman turut menerangkan sumber ketam melalui ternakan liar di negara ini adalah sebanyak 40 peratus, 10 peratus adalah dari hasil ternakan kolam dan 50 peratus selebihnya adalah merupakan ketam import dari luar negara seperti Thailand, Viet Nam dan Republik Indonesia.

"Golden Crab Enterprise bercita-cita untuk mengambil alih sekurang-kurangnya 40 peratus daripada jumlah peratus import seandainya ternakan ketam nipah secara tertutup ini akan mendapat sambutan yang baik di pasaran negara," jelasnya.

Beliau berasal dari negara jiran, Malaysia, merupakan rakan kongsi di syarikat berkenaan yang telah memperkenalkan sistem ternakan ketam secara tertutup kepada pengusaha-pengusaha tempatan di negara ini.

Ternakan ketam secara

tertutup mempunyai kelebihan kerana ia adalah sistem yang baru diperkenalkan bagi ternakan ketam dengan menggunakan probiotik yang digunakan bagi mengawal mutu air dan menggunakan modal yang rendah bagi memulakan projek dan pulangan yang tinggi berbanding projek yang lain.

Ia juga mengambil jangka masa yang pendek untuk setiap tuaian dan menggunakan tenaga kerja yang paling minima.

Melalui konsep memelihara mengikut kaedah penternakan tertutup yang dikawal dengan baik menerusi sistem perairan yang lebih sistematik, ia adalah penemuan terbaru dalam teknologi pembiakan ketam nipah.

Dengan mempraktikkan kaedah penternakan yang dinamakan Sistem Penternakan Ketam Bersepadu (ICS), baka-baka ketam nipah akan melalui proses pembiakan dengan cara yang lebih moden dan selamat.

Mengikut konsep penternakan terbaru ini, air sisa ternakan akan dikitar semula selepas dibersihkan secara automatik dengan menggunakan teknologi terkini.

Setiap anak ketam yang sudah mencapai berat seratus gram akan ditem-

patkan di satu ruangan khas dalam setiap petak PVC bagi memastikan pembiakkannya lebih cepat dan kami pula dapat memantau proses pembesarannya dengan lebih baik dari sehari ke sehari.

Makanan ketam ternakan adalah 'Ikan Baja' kerana ketam merupakan sejenis karnivor yang memerlukan protein yang tinggi.

Terdapat sejumlah 324 unit kotak ternakan yang merupakan tempat tinggal ketam nipah berkenaan selama proses ternakan yang mengambil masa selama 40 hari sehingga proses bersalin kulit.

Ketam mengambil masa lebih kurang enam minit bagi proses bersalin kulit dan kemudiannya badannya (isi) akan menjadi lembut dan ketika itu lah, proses pengambilan bagi isi-isi ketam akan dilunaskan.

Ketam-ketam tanpa kulit ini mempunyai nilai yang agak mahal sehingga mencecah BND18 sekilogram jika dibandingkan dengan nilai ketam-ketam yang biasa dijual di pasar-pasar atau kedai-kedai.

Selain kepakaran dalam ternakan ketam nipah, syarikat ini juga mempunyai pengalaman luas dalam bidang akuakultur, latihan dan teknikal serta pengurusan.



PINTU masuk Golden Crab Enterprise yang menggunakan konsep menternak ketam dalam bangunan.



PENGARAH Pentadbiran Am dan Setiausaha syarikat berkenaan semasa menunjukkan ternakan ketam yang diusahakan.



PENGARAH Urus syarikat berkenaan, Pengiran Haji Haris bin Pengiran Haji Duraman (kiri sekali) berkata, "Bidang ternakan ketam secara tertutup ini boleh menjimatkan kos perbelanjaan dan pengurusannya adalah mudah." Kelihatan dalam gambar, kerja menimbang berat ketam yang disimpan di dalam bakul.



BERGAMBAR RAMAI ... Pengarah Urus syarikat berkenaan ketika bergambar ramai bersama para pekerja syarikat.

**DENGAN mempraktikkan kaedah penternakan yang dinamakan Sistem Penternakan Ketam Bersepadu, baka-baka ketam nipah akan melalui proses pembiakan dengan cara yang lebih moden dan selamat.**

# Dua keluarga menerima bantuan membaik pulih rumah



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Md. Yussop semasa menyampaikan sijil kerja-kerja membaik pulih tersebut. - Foto : Abdul Kadir Md. Tahir.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Disember. - Dua buah keluarga di Kampung Ayer menerima

sijil kesiapan membaik pulih rumah yang didapat berkeadaan daif dan mengalami banyak ker-

sakan. Di atas keprihatinan dan sikap pemedulian agensi-agensi yang berkaitan

seperti Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM), Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Jabatan Majlis Ugama Islam (JMUI) dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), kerja-kerja membaik pulih kedua-dua buah rumah tersebut dapat diusahakan secara bersepudu demikianan selesaan dan kesejahteraan keluarga berkenaan.

Hadir menyempurnakan penyampaian sijil-sijil di kediamaan penerima masing-masing, Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Md. Yussop bin Bakar.

Mula-mula menerima

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

sijil tersebut ialah Pengiran Haji Ariffin bin Pengiran Bongsu yang tinggal di Kampung Lurong Dalam dan menerima bantuan sejumlah BND16,500 bagi membaik pulih rumah beliau.

Dari jumlah itu, YSHHB menyumbangkan sebanyak BND2,000; JAPEM berjumlah BND2,000; JMUI sebanyak BND8,000 dan selebihnya JDBM memberikan bantuan kewangan melalui tabung amal jabatan tersebut.

Pengiran Haji Ariffin, 48 tahun yang bekerja di salah sebuah agensi kerajaan ketika ditemubual oleh wakil PELITA BRUNEI melahirkan rasa syukur dan terima kasih kepada pihak-pihak berkenaan di atas bantuan yang telah diterimanya.

Sementara itu, penerima kedua Awang Ariffin bin Haji Budiman yang tinggal di Kampung Pengiran Bendahara Lama pula menerima bantuan keseluruhan berjumlah BND9,500.

Dari jumlah tersebut JMUI menyumbangkan BND5,000, JAPEM menyumbangkan BND2,500 dan selebihnya daripada Tabung Amal JDBM.

Awang Ariffin, 41 tahun, bekerja sebagai nelayan melahirkan rasa penghargaan yang tidak terhingga kepada pihak-pihak berkenaan di atas bantuan mereka sekeluarga.

Dengan adanya bantuan membaik pulih rumah-rumah seumpama ini setentunya akan dapat meringankan lagi masalah yang dihadapi oleh keluarga terbabit.

## Pegawai JKEDB dihadapkan ke Mahkamah Majistret

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Disember. - Empat Pegawai Kastam dan dua Pegawai Pemeriksa di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei (JKEDB) dihadapkan ke Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan di atas pertubuhan di bawah Bab 6(a) Akta Pencegahan Rasuah (Penggal 131) dan Bab Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22).

Hasil siasatan Biro Mencegah Rasuah (BMR) mendapati bahawa tertuduh pertama, Pengiran Ahmad bin Pengiran Haji Md. Daud, seorang Pegawai Kastam dengan secara tidak jujur menerima wang suapan berjumlah BND100 (Satu Ratus Ringgit) pada bulan Disember 2007 dan RM100 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Ringgit) pada bulan September 2007 daripada seorang rakyat Malaysia.

Wang suapan tersebut adalah merupakan sebagai dorongan atau ganjaran untuk tidak mengambil tindakan terhadap rakyat Malaysia tersebut kerana melakukan kesalahan yang berkaitan dengan penyeludupan bahan bakar iaitu satu kesalahan di bawah Peraturan Kastam 2006.

Beliau juga dihadapkan

telah memperolehi untuk dirinya sendiri sejumlah wang yang tersebut di atas daripada rakyat Malaysia tersebut yang telah melakukan kesalahan di bawah Peraturan Kastam 2006 berkaitan dengan penyeludupan bahan bakar yang mana tertuduh mengetahui rakyat Malaysia tersebut mempunyai urusan rasmi dengan beliau sebagai Pegawai Kastam.

Tertuduh kedua, Awang Mohd. Sanip bin Ura, seorang Pegawai Kastam, menghadapi dua pertuduhan kerana telah dengan tidak jujur menerima wang suapan berjumlah BND350 (Tiga Ratus Lima Puluh Ringgit Brunei) di antara 12 dan 13 Januari 2009 daripada seorang rakyat Malaysia.

Tertuduh ketiga, Awang Haji Mazlan bin Haji Shahbuddin, seorang Pegawai Kastam didapati secara tidak jujur menerima wang suapan berjumlah BND400 (Empat Ratus Ringgit Brunei) pada 19 Januari 2009 daripada seorang rakyat Malaysia.

Wang suapan tersebut adalah merupakan sebagai dorongan atau ganjaran untuk tidak mengambil tindakan terhadap rakyat Malaysia tersebut kerana melakukan kesalahan yang berkaitan dengan penyeludupan bahan bakar iaitu satu kesalahan di bawah Peraturan Kastam 2006.

Beliau juga dihadapkan di atas pertuduhan kerana telah memperolehi untuk dirinya sendiri sejumlah wang yang tersebut di atas daripada rakyat Malaysia tersebut yang telah melakukan kesalahan di bawah Peraturan Kastam 2006 berkaitan dengan penyeludupan bahan bakar yang mana tertuduh mengetahui rakyat Malaysia tersebut mempunyai urusan rasmi dengan beliau sebagai Pegawai Kastam.

Beliau juga dihadapkan

telah memperolehi untuk dirinya sendiri sejumlah wang dan perkhidmatan seks seperti yang tersebut di atas daripada rakyat Malaysia tersebut yang telah melakukan kesalahan di bawah Peraturan Kastam 2006 berkaitan dengan penyeludupan bahan bakar yang mana tertuduh mengetahui rakyat Malaysia tersebut mempunyai urusan rasmi dengan beliau sebagai Pegawai Kastam.

Tertuduh keempat, Awang Mohd. Mazalan bin Haji Sidop, seorang Pegawai Pemeriksa, dihadapkan ke mahkamah di atas tiga pertuduhan di bawah Bab 6(a) Akta Pencegahan Rasuah (Penggal 131).

Hasil siasatan BMR mendapati bahawa tertuduh telah dengan tidak jujur menerima wang suapan berjumlah RM800 (Ringgit Malaysia Lapan Ratus Ringgit) pada tahun 2007, BND1,100 (Satu Ribu Satu Ratus Ringgit Brunei) pada bulan November 2007 dan BND300 (Tiga Ratus Ringgit Brunei) pada bulan Mei 2008 daripada seorang warga Malaysia.

Wang-wang suapan tersebut adalah merupakan sebagai dorongan atau ganjaran untuk tidak mengambil tindakan terhadap rakyat Malaysia tersebut kerana melakukan kesalahan yang berkaitan dengan penyeludupan bahan bakar iaitu satu kesalahan di bawah Peraturan Kastam 2006.

Beliau juga dihadapkan

telah melakukan kesalahan di bawah Peraturan Kastam 2006 berkaitan dengan penyeludupan bahan bakar yang mana tertuduh mengetahui rakyat Malaysia tersebut yang telah melakukan kesalahan di bawah Peraturan Kastam 2006 berkaitan dengan penyeludupan bahan bakar yang mana tertuduh mengetahui rakyat Malaysia tersebut mempunyai urusan rasmi dengan beliau sebagai Pegawai Kastam.

Tertuduh kelima, seorang Pegawai Kastam, Awang Muhammad Rafi bin Haji Abd. Rashid telah didapati dengan secara tidak jujur menerima wang suapan berjumlah BND2,600 (Dua Ribu Enam Ratus Ringgit Brunei) pada 25 November 2007, RM500 (Ringgit Malaysia Lima Ratus) pada 25 Januari 2008 dan RM500 (Ringgit Malaysia Lima Ratus) pada 25 Februari 2008 daripada seorang rakyat Malaysia.

Wang suapan tersebut adalah merupakan sebagai dorongan atau ganjaran untuk tidak mengambil tindakan terhadap rakyat Malaysia tersebut kerana melakukan kesalahan yang berkaitan dengan penyeludupan bahan bakar iaitu satu kesalahan di bawah Peraturan Kastam 2006 di

mana kesalahan tersebut berkaitan dengan penyeludupan bahan bakar.

Beliau juga dihadapkan di atas pertuduhan kerana telah memperolehi untuk dirinya sendiri sejumlah wang yang tersebut di atas daripada rakyat Malaysia tersebut yang telah melakukan kesalahan di bawah Peraturan Kastam 2006 berkaitan dengan penyeludupan bahan bakar yang mana tertuduh mengetahui rakyat Malaysia tersebut mempunyai urusan rasmi dengan beliau sebagai Pegawai Kastam.

Tertuduh keenam, Awang Ahmad bin Haji Sahari, seorang Pegawai Pemeriksa telah dihadapkan kerana telah dengan secara tidak jujur menerima wang suapan berjumlah BND400 (Empat Ratus Ringgit Brunei) pada 25 Novembe 2007, RM500 (Ringgit Malaysia Lima Ratus) pada 25 Januari 2008 dan RM500 (Ringgit Malaysia Lima Ratus) pada 25 Februari 2008 daripada seorang rakyat Malaysia.

Kedua-dua wang suapan tersebut adalah merupakan sebagai dorongan atau ganjaran untuk tidak mengambil tindakan terhadap kedua-dua rakyat Malaysia tersebut kerana melakukan kesalahan berkaitan dengan penyeludupan bahan ba-

kar iaitu satu kesalahan di bawah Peraturan Kastam 2006.

Beliau juga dihadapkan di atas pertuduhan kerana telah memperolehi untuk dirinya sendiri sejumlah wang yang tersebut di atas daripada rakyat Malaysia tersebut yang telah melakukan kesalahan di bawah Peraturan Kastam 2006 berkaitan dengan penyeludupan bahan bakar yang mana tertuduh mengetahui rakyat Malaysia tersebut mempunyai urusan rasmi dengan beliau sebagai Pegawai Pemeriksa.

Kesalahan di bawah Bab 6(a) Akta Pencegahan Rasuah (Penggal 131) akan dikenakan denda maksima BND30,000 (Tiga Puluh Ribu Ringgit) dan hukuman penjara sehingga tujuh tahun manakala kesalahan di bawah Bab 165 Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22) akan dikenakan hukuman penjara selama tujuh tahun dan denda.

Semasa dihadapkan ke mahkamah, tiada pengakuan diambil dari semua tertuduh dan mahkamah telah memerintahkan supaya setiap tertuduh dibebaskan dengan ikat jamin BND5,000 (Lima Ribu Ringgit Brunei) atau seorang penjamin tempatan. Kes akan disebut semula pada 13, 14, 16, 18 dan 19 Januari 2010.

## Kursus 'Fire Marshall' penting menyelamat nyawa dan harta benda



Oleh : Ak. Haji Mohd. Zukarnaen Pg. Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN. - Pengetahuan di dalam pengurusan keselamatan, pencegahan kebakaran serta tindakan menyelamat dan memadamkan kebakaran adalah sangat penting dalam kehidupan kita seharian.

Pemangku Pemerintah, Pusat Latihan Bomba dan Penyelamat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pengiran Asmali bin Pengiran Haji Ahmad menekan perkara itu di Majlis Penyampaian Sijil-sijil Kursus Marsyal Kebakaran (Fire Marshall), berlangsung di Pusat Latihan Bomba dan Penyelamat, Berakas, baru-baru ini.

Kursus itu merupakan satu kursus mandatori bagi setiap peserta dan yang kesan dari segi mental dan fizikal, akan tetapi begitulah hakikatnya apabila terjadinya kebakaran sudah pastinya seseorang Fire Marshall akan memerlukan kekuatan mental dan fizikal mereka bagi melaksanakan tindakan awal dengan segera sama ada untuk memadamkan kebakaran atau menyelamat sebelum ketibaan bantuan dari Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) sampai.

Para peserta telah didekahkan kepada beberapa pelajaran teori mengenai tugas dan perkhidmatan yang diberikan oleh jabatan kepada orang ramai, bagaimana cara api merebak, tatacara memadamkan kebakaran, jenis-jenis alat pemadam api, kelas-kelas api, langkah-langkah dan tindakan yang perlu dibuat jika mendapati berlakunya kebakaran dan tindakan pengosongan bangunan semasa kebakaran berlaku.

Dari segi praktikal para peserta telah diajarkan mengenai tatacara penggunaan kelengkapan atau peralatan kebombaran untuk memadam kebakaran, memasuki rumah asap, tatacara yang betul menggunakan alat pemadam api, cara mengangkat dan menyelamat mangsa dan para peserta juga telah diuji dalam mengendalikan kebakaran dan pengosongan bangunan serta menyelamat.

Pengiran Asmali berharap para peserta kursus akan dapat mempergunakan pengetahuan yang telah diperolehi terutama sekali dalam menghadapi situasi kebakaran sama ada di tempat kerja maupun di kediaman sendiri dan mana-mana pengetahuan yang relevan berhubungan keselamatan dan tatacara penggunaan alat pemadam api ini juga akan dapat disampaikan kepada rakan-rakan maupun kepada ahli keluarga masing-masing.

Seramai 31 peserta dari Universiti Brunei Darussalam telah menerima Sijil-sijil Kursus Asas Marsyal Kebakaran (Fire Marshall) yang telah diungkayahkan itu mencerminkan keprihatinan JBP terhadap pentingnya setiap anggota masyarakat untuk mendapat pengetahuan asas berkaitan dengan aspek keselamatan dan kebakaran di premis masing-masing dan akhirnya membolehkan mereka mengambil tindakan proaktif bagi melindungi nyawa dan harta benda daripada risiko kebakaran.

Kursus yang disampaikan adalah merupakan satu pendidikan yang sewajarnya diberikan dalam membentuk satu masyarakat yang mempunyai budaya peri pentingnya menjaga keselamatan dan kebakaran.

PEMANGKU Pemerintah, Pusat Latihan Bomba dan Penyelamat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pengiran Asmali bin Pengiran Haji Ahmad ketika menyampaikan sijil kepada seorang peserta. - Foto : Azmah Haji Ahad.

# Tonjolkan produk kampung masing-masing

BERAKAS, Khamis, 24 Disember. - Para peserta Jualan Amal bagi Tabung Amal Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) serta Tabung Bantuan Kemanusiaan Gempa Bumi Indonesia dan Ribut Filipina, terutama dari Majlis Perundingan Mukim dan Kampung disaran agar menonjolkan produk kampung masing-masing ketika menyertai jualan amal tersebut.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara (DBM), Dato Paduka Awang Haji Md. Yussop bin Bakar membuat saranan itu ketika berucap di Majlis Pelancaran Jualan Amal tersebut bagi peringkat DBM, berlangsung di kawasan letak kereta JDMB, Berakas, di sini.

Setakat ini jelas Dato Paduka, jumlah kutipan

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

Dato Paduka berkata dengan menonjolkan produk kampung masing-masing akan dapat mempromosikan produk-produk tersebut ke arah 'Satu Kampung Satu Produk'.

Menurut Dato Paduka, semua hasil kutipan yang diusahakan oleh para penghulu dan ketua kampung itu serta kutipan hasil jualan amal dan kutipan melalui walkaton akan dibahagi-bahagikan dengan 40 peratus darinya untuk Tabung Amal JDBM, 30 peratus untuk Tabung Bantuan Kemanusiaan Gempa Bumi Indonesia dan 30 peratus untuk Tabung Kemanusiaan Ribut Filipina.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Haji Awang Adanan semasa menyaksikan salah satu produk Jualan Amal Bagi Tabung Amal Jabatan Daerah Brunei dan Muara serta Tabung Bantuan Kemanusiaan Gempa Bumi Indonesia dan Ribut Filipina Peringkat Daerah Brunei dan Muara. - Foto : Abdullah Haji Awang Damit.



MEMORANDUM Persefahaman (MOU) Radio Televisyen Brunei (RTB) Media Carnival 2010 antara RTB dan rakan-rakan usaha sama ditandatangani oleh Pemangku Pengarah RTB, Awang Haji Idris bin Haji Md. Ali bersama rakan-penganjur, Pengarah Eksekutif Sunlit Advertising Sdn Bhd, Dato Paduka Awang Haji Danial bin Haji Hanafiah. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

## Rayuan Dong Sui Hung ditolak

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 Disember. - Mahkamah Tinggi, Bandar Seri Begawan telah menolak rayuan yang telah dihadapkan oleh seorang warga Singapura, Dong Sui Hung terhadap hukuman 14 bulan penjara yang telah dijatuhkan oleh Mahkamah majistret, Bandar Seri Begawan diatas pertuduhan di bawah Bab 6(b) Akta Pencegahan Rasuah (Penggal 131).

Dong Sui Hung telah sabit kesalahan pada 5 September 2009. Dalam pertuduhan tersebut beliau didapati pada 11 Mac 2006 di Unit Pemeliharaan Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Pusar Ulak, Bandar Seri Begawan telah dengan secara tidak jujur menawarkan wang suapan berjumlah BND500.00 (Lima Ratus Ringgit) kepada seorang pegawai di Jabatan tersebut sebagai dorongan untuk mempercepatkan pembayaran sebanyak BND28,870.00 (Dua Puluh Lapan Ribu Lapan Ratus Tujuh Puluh Ringgit) ke atas kerja-kerja yang telah dibuat seperti perjanjian di antara syarikat yang diusahakan oleh beliau dan Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



PEMANGKU Pengarah RTB, Awang Haji Idris bertukar-tukar dokumen MOU yang ditandatangani bersama Pengarah Urusan Greency Concepts Sdn Bhd, Wong Chin Toon untuk menyediakan platform perkhidmatan undian SMS dalam Karnival tersebut. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

# Menandatangani RTB Media Carnival 2010

Oleh : Ak. Haji Mohd. Zukarnaen Pg. Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Disember. - Dalam usaha untuk mendukung slogan 'Sentiasa Bersama Biskita' dan selaras dengan visi serta misi Radio Televisyen Brunei (RTB), berbagai-jenis rancangan telah disusun dan seterusnya disiarkan sama ada melalui radio, televisyen mahu pun internet semata-mata bagi memenuhi cita rasa penonton dan pendengar.

Pemangku Pengarah RTB, Awang Haji Idris bin Haji Md. Ali ketika menyatakan demikian di Majlis Penandatanganan RTB Media Carnival 2010 antara RTB dan rakan-rakan usaha sama, berlangsung di Kompleks RTB Sungai Akar, di sini.

Pemangku Pengarah RTB menandatangani bagi pihak RTB dan wakil-wakil dari Syarikat Sunlit Advertising Sendirian Berhad, Boustead Sendirian Berhad, Brunei Press Sendirian Berhad, Panacom Sendirian Berhad dan Greency Concepts Sendirian Berhad ditandatangani oleh wakil masing-masing.

Dalam ucapan tersebut beliau selanjutnya berkata, RTB menyediakan lima buah rangkaian radio yang disiarkan 24 jam sehari, tiga buah rangkaian televisyen terrestrial yang disiarkan dari lapan hingga 18 jam sehari, satu saluran satelit yang disiarkan 24 jam sehari dan perkhidmatan internet melalui RTBCITY yang menyediakan *livestreaming* perkhidmatan RTB International dan Netradio yang boleh diikuti di seluruh dunia.

Sejak awal tahun 2009 katanya, RTB telah mengungkapkan Karnival RTB Bersama Biskita yang merupakan siri jeryawara ke daerah-daerah khusus bagi musim cuti penggal persekolahan, yang

dimulakan di Daerah Belait, kemudian dilaratkan ke Daerah Tutong, seterusnya di Daerah Temburong.

Karnival di setiap daerah tersebut tambahnya, merupakan pembinaan ke kemuncaknya iaitu RTBMC 2010 yang akan diadakan pada 27 - 30 Januari 2010 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

**"RTB menyediakan lima buah rangkaian radio yang disiarkan 24 jam sehari,**

**tiga buah rangkaian televisyen terrestrial yang disiarkan dari lapan hingga 18 jam sehari, satu saluran satelit yang disiarkan 24 jam sehari dan perkhidmatan internet melalui RTBCITY yang menyediakan 'livestreaming' perkhidmatan RTB International dan Netradio yang boleh diikuti di seluruh dunia."**

**24 jam sehari dan perkhidmatan internet melalui RTBCITY yang menyediakan 'livestreaming' perkhidmatan RTB International dan Netradio yang boleh diikuti di seluruh dunia."**

KAMPUNG Belingos terletak di dalam Mukim Bangar dengan keluasan ..... Kampung Belingos dan sekitarnya adalah di bawah pengawasan seorang Ketua Kampung iaitu Yang Berhormat PW1 (B) Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. Kampung-kampung di bawah pentadbiran Ketua Kampung Belingos ialah Kampung Belingos, Lagau, Piungan, Bang Bulan, Subok dan Kampung Simamang termasuk Pekan Bangar. Kampung Belingos terletak kira-kira 5.6 kilometer dari Pekan Bangar.

#### Sejarah dan latar belakang kampung

Mengikut cerita orang-orang tua, Kampung Belingos dinamakan oleh puak Murut tetapi makna perkataan Belingos tidak diketahui. Nama Belingos mengikut sesetengah orang, mungkin berpunca dari sebutan anak sungai yang dinamakan Sungai Belingos. Keseluruhan penduduk Kampung Belingos adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam.

#### Biodata Ketua Kampung

Kampung Belingos ditadbir oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad (Ahli Majlis Mesyuarat Negara). Beliau dilahirkan pada 2 Jun 1948 dan mula menjawat jawatan Ketua Kampung Belingos pada 12 Mei 1999. Beliau pernah berkhidmat dengan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dari 25 Oktober 1965 - 25 Oktober 1991 dengan pangkat terakhir PW1. Beliau disampiri gelaran Yang Berhormat pada tahun 2005. Dan menerima pingkat-pingkat kebesaran SMB, PSB, GSM (ABDB), PUSPA, PJK dan PPK.

#### LATAR BELAKANG KAMPUNG-KAMPUNG DI BAWAH JAGAAN KETUA KAMPUNG BELINGOS

#### KAMPUNG LAGAU

Kampung Lagau terletak kira-kira 4.7 kilometer dari Pekan Bangar. Sejarah penamaan kampung ini mengikut cerita orang-orang tua iaitu satu nama yang diberikan oleh puak Murut. Menurut cerita mereka, kononnya pada suatu masa tertentu penduduk kampung terdengar bunyi suara seperti orang melagau (memanggil) dari arah sebuah bukit berdekatan kampung itu dan selang beberapa hari akan ada orang meninggal dunia (menurut kepercayaan puak Murut). Sekarang kepercayaan tersebut tidak wujud, maka berdasarkan cerita tersebut kampung ini dikenali sebagai Kampung Lagau. Kampung Lagau mempunyai penduduk seramai 80 orang dan terdapat 17 buah rumah di kampung ini. Kebanyakannya penduduknya terdiri dari puak Murut dan lima daripadanya adalah penduduk dari keluarga Cina. Di kampung ini terdapat sebuah Bengkel kereta yang memberi perkhidmatan membaiki kereta, mencuci kereta, servicing kereta dan lain-lain, yang dimiliki oleh salah seorang penduduk kampung yang berbangsa Cina.

#### KAMPUNG PIUNGAN

Kampung Piungan terletak kira-kira 4.1 kilometer dari Pekan Bangar. Nama kampung ini tercipta daripada perkataan ataupun bahasa yang digunakan oleh puak Murut. Kisahnya bermula apabila pada zaman da-

**" PROJEK Ternakan Kulat Tiram Kelabu dilaksanakan pada 28 Februari 2009. Setakat ini sejumlah 1,300 tiub kulat telah disimpan di dalam pondok berkenaan dan telahpun mendatangkan hasil. Perusahaan kulat tiram kelabu ini bermodalkan dari kutipan wang daripada penduduk kampung sebanyak BND20 bagi setiap seorang dengan keramaian ahli 44 orang dan jumlah saham terkumpul sebanyak BND880. "**

# Projek Ternakan Kulat Tiram Kelabu bantu ekonomi penduduk

## Majlis Perundingan Kampung Belingos

### SIRI KEEMPAT

Mereka mengambil air dengan menggunakan sebuah buah keduit yang sudah dikeringkan dengan cara ditebus di bawah tangkai untuk memasukkan air. Perkataan buah keduit itu juga dikenali oleh puak Murut sebagai Piungan. Maka mereka namakan anak sungai berkenaan sebagai sungai Piungan dan wujudlah nama kampung tersebut sebagai Kampung Piungan yang kekal hingga ke hari ini. Penduduk-penduduk yang menetap di Kampung Piungan seramai 16 orang yang terdiri dari tiga puak, iaitu Melayu, Dusun, Iban dan Cina. Di kampung ini hanya terdapat empat buah rumah dan beberapa orang penduduk di kampung ini bekerja dengan kerajaan dan swasta. Selain itu, ada juga yang bekerja sebagai petani, nelayan dan ada di antaranya bekerja sendiri setelah bersara dari jabatan-jabatan kerajaan.

#### KAMPUNG KINALONG

Kedudukan Kampung Kinalong dari Pekan Bangar kira-kira 2.5 kilometer sahaja. Keramaian penduduk di kampung berkenaan ialah 13 orang keluarga dan tujuh buah rumah. Asal nama kampung tersebut adalah berasal daripada cerita tentang dahulunya terdapat sebuah kampung orang Cina yang pernah mendiami kawasan berdekatan dengan anak sungai. Maka timbulah nama anak sungai tersebut dengan nama Kinalong dan wujudlah juga dengan nama Kampung Kinalong. Di kampung berkenaan terdapat sebuah rumah dua tingkat yang disewakan sebagai Homestay yang sudah ber-

tani, nelayan dan bekerja sendiri. Di dalam kampung ini terdapat dua orang adik-beradik berbangsa Cina yang mengusahakan bengkel membaiki enjin motor sangkut dan kereta. Kedua-dua adik-beradik ini menjalankan usaha ini lebih dari 30 tahun tanpa sebarang kelulusan dan pelajaran dalam bidang ini. Bengkel-bengkel mereka sering mendapat perhatian daripada pelanggan dan orang ramai untuk membaiki kereta dan enjin motor sangkut dan sebagainya.

#### KAMPUNG SUBOK

Kampung Subok terletak hanya kira-kira 1.6 kilometer dari Pekan Bangar. Ia didiami oleh seramai tujuh buah keluarga dan terdapat tiga buah rumah, iaitu dua buah terletak di seberang Sungai Temburong kepunyaan dua keluarga puak Iban. Berdekatan dengan jalan raya utama pula, terdapat sebuah rumah kepunyaan seorang penduduk berbangsa Cina yang telah didiami kira-kira 45 orang pekerja bukan tempatan yang menyewa rumah berkenaan bagi kerja-kerja pembuatan besi dan simen.

Di atas bukit kawasan Kampung Subok ada terdapat satu kawasan yang dinamakan Batu Ajung. Kampung tersebut dinamakan Kampung Subok kerana di seberang sungai ada terdapat sebuah anak sungai yang dinamakan Sungai Subok oleh orang-orang tua pada masa dahulu. Keunikan anak Sungai Subok

bok ialah airnya tidak pernah kering (dikenali sebagai air batu) meskipun pada musim kemarau yang berterusan dan air sungai Temburong menjadi bahal / masin.

Dalam awal tahun 60-an dan 70-an, penduduk-penduduk kawasan Pekan Bangar dan penduduk Kampung Meningah akan mengambil air tawar di Sungai Subok itu. Mengikut cerita orang-orang tua, di kawasan ulu sungai tersebut, seorang penduduk tempatan pernah menjumpai satu kawasan berupa sebuah taman yang indah seluas padang bola sepak ketika dia sedang berburu. Maka ianya menjadi satu legenda hingga kini akan kewujudan dan kebenaran cerita tersebut. Kedudukan Sungai Subok adalah di seberang sungai, berdekatan dengan rumah puak Iban kepunyaan Ambon anak Parang. Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung Belingos telah pernah membuat peninjauan ke kawasan anak Sungai Subok yang keadaannya berbatu-batu di ulu sungai.

#### KAMPUNG SEMAMANG

Kampung Semamang terletak kira-kira satu kilometer dari Pekan Bangar. Kampung ini didiami oleh dua buah keluarga dan hanya terdapat dua buah rumah

di kampung ini. Di Kampung Semamang ini terdapat sebuah Stesen Penjualan Minyak Kenderaan (Syarikat Koperasi) bagi Daerah Temburong. Asal nama Kampung Semamang, tidaklah dapat dikenal pasti dari cerita orang-orang tua dahulunya.

Di kampung ini terdapat sebuah kawasan perkuburan orang-orang Islam yang terbesar di Daerah Temburong, dinamakan Tanah Perkuburan Semamang.

#### PEKAN BANGAR

Pekan Bangar berasal dari suatu nama dari bahasa Puak Murut, iaitu 'BANGAR' yang bermaksud 'Papan'. Sejarah nama ini diambil apabila pada masa dahulu berdekatan dengan anak sungai Pekan Bangar tersebut adalah tempat bagi penaruhannya papan orang-orang Murut untuk membuat rumah atau gubang atau perahu. Maka, wujudlah kampung di kawasan tersebut dengan nama 'Bengar'. Namun kini, nama itu sudah diubah kepada Bangar oleh pihak Jabatan Urus pada waktu itu. Kemudian, Pekan Bangar pada mulanya dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu Pekan Bangar Lama dan Pekan Bangar Baru. Namun kini nama itu sudah dimansuhkan dan disatukan menjadi satu nama iaitu Pekan Bangar. Pekan Bangar kini sudah dianggap sebagai pusat pentadbiran bagi jabatan-jabatan kerajaan, sekolah-sekolah

lah, kedai Pekan Bangar, kedai-kedai Bumi Putera dan sebagainya. Pekan Bangar juga adalah terletaknya tempat 'TUGU PERINGATAN' sejarah kepada pegawai-pegawai kerajaan yang terkorban semasa pemberontakan pada tahun 1962 oleh Tentera National Kalimantan Utara (TNKU). Tugu berkenaan telah dirasmikan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien pada tahun 1963.

#### AHLI-AHLI MAJLIS PERUNDINGAN KAMPUNG BELINGOS

Penasihat : Dayang Hajah Fatimah binti Haji Zakaria

Pengerusi : Yang Berhormat PW1 (B) Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad

Timbalan Pengerusi : PW2 (B) Awang Bujang bin Uga

Setiausaha : Dayang Bani binti Ajak

Penolong Setiausaha : Dayang Roziana binti Haji Abd. Kadir

Bendahari : Awang Balaq bin Galawat

Ahli-ahli : Awang Ang Ping Hui

: Awang Pungut bin Murang

: Awang Sidop bin Pasa

#### Lihat muka 21

## BILANGAN PENDUDUK DI BAWAH TADAHAN KETUA KAMPUNG BELINGOS MENGIKUT BANGSA / KAUM/ AGAMA

BIL	NAMA KAMPUNG	BANGSA						AGAMA			
		MELAYU	MURUT	IBAN	CINA	DUSUN	LAIN-LAIN	ISLAM	KRISTIAN	BUDDHA	LAIN-LAIN
1	KAMPUNG BELINGOS	47	-	5	-	-	-	47	-	-	5
2	KAMPUNG LAGAU	4	63	2	5	6	-	4	63	5	8
3	KAMPUNG PIUNGAN3	8	-	1	3	4	-	8	-	3	5
4	KAMPUNG BANG BULAN	15	-	1	6	-	-	15	-	6	1
5	KAMPUNG KINALONG	13	-	-	-	-	-	13	-	-	-
6	KAMPUNG SUBOK	-	-	3	-	4	-	-	-	-	17
7	KAMPUNG SEMAMANG	2	-	-	6	-	-	2	-	6	-
8	PEKAN BANGAR	560	6	5	35	9	-	560	6	35	14
<b>JUMLAH</b>		<b>649</b>	<b>69</b>	<b>17</b>	<b>55</b>	<b>23</b>	<b>-</b>	<b>649</b>	<b>69</b>	<b>49</b>	<b>46</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>813 ORANG</b>						<b>813 ORANG</b>			

**P**ARA cendekiawan berkata bahwa pada umumnya paradigma merujuk kepada cara kita melihat dan meneliti suatu perkara atau fenomena dari segi tafsiran dan pemahaman intelektual dan bukan dari sudut fizikal.

Paradigma adalah ibarat cermin mata kerana ia mempengaruhi cara kita menilai semua perkara dalam kehidupan kita. Jadi, jika diguna pakai cermin mata untuk melihat benda yang sesuai untuk mata kita setentunya kita dapat melihat dengan lebih jelas. Begitulah sebaliknya jika memakai cermin mata yang tidak selesa untuk mata kita.

Paradigma yang berkualiti mampu mengumpul maklumat yang benar serta berkaitan bagi membuat perimbangan yang wajar dan bijak dalam semua tindakan kita. Paradigma yang tiada bernilai menghasilkan aktiviti yang tidak menguntungkan.

Kita pernah dengar malah bersua dengan ramai orang yang sangat berminat untuk menikmati kehidupan mewah misalnya dengan cara melibatkan diri dengan skim cepat kaya (skim piramid), mendarid dadah dan seumpamanya. Mereka mudah terpikat dengan skim yang menjanjikan keuntungan tanpa usaha. Mudah terpedaya kerana mereka lebih mengutamakan paradigma yang tidak berkualiti.

Faham-fahamlah, tiada suatu kebahagiaan akan dapat dinikmati tanpa ikhtiar. Dalam kehidupan manusia, terdapat tahap-tahap pertumbuhan dan perkembangan yang saling berterusan. Dan perjalanan yang matang serta jauh bermula dari langkah pertama, kemudian langkah-langkah seterusnya.

Kenapa di kalangan kita malar berpendapat bahawa dalam proses mematangkan paradigma maka kita pun terburu-buru melihat acuan ke Barat? Kenapa? Malah sering pula mahu meminggirkan budaya dan tamadun diri sendiri yang memang ternyata tidak kalis ditelan zaman. Jadi sebelum kita menerima mana-mana acuan Barat dalam kegigihan kita untuk pembangunan insan, mari kita teliti apa kata mereka mengenainya.

Hubaya-hubaya, ahli psikologi Barat moden yang sekular rata-rata mentafsirkan 'pembangunan' sebagai satu usaha untuk mempertingkat pertumbuhan, perkembangan dan kemajuan dalam bidang ekonomi, industri dan teknologi. Hal ini jelas bersifat luaran atau fizikal semata-mata. Kebendaan semata-mata.

Nah, perkara utama diberikan kepada segi kuantitatif dalam tiga bidang tersebut. Mereka melihat pula bahawa 'pembangunan insan' sebagai satu usaha untuk memartabatkan pertumbuhan, proses dan kemajuan hidup manusia ke tahap yang maksimum dalam aspek dunia dengan berpandu kepada pengetahuan sains dan cita rasa masyarakat. Mana pergiinya nilai kerohanian?

Fikir-fikirlah, betapa nilai-nilai aspek kerohanian tidak diambil kira. Malah pembangunan menurut acuan Barat mentasdiikan bahawa Tuhan langsung tidak punya peranan dalam pembangunan manusia. Bawa mengucap, *astaghfirullah*.

Di Barat, dalam usaha untuk memajukan ke-

# Pembangunan insan jangan berkiblat acuan Barat

BILANGAN 49



**Haji Mohd.  
Salleh bin Abdul Latif,  
Penerima Anugerah  
Penulis Asia Tenggara 1990  
(The S.E.A. Write Award)**

adaan hidup kebendaan penduduknya, mereka tegar dan sanggup memusatkan nilai-nilai budaya dan moral lama mereka. Hak manusia yang mereka ura-urakan ialah hak politik yang berdasarkan nilai materialistik, tetapi hak, nilai moral atau budayanya sudah hilang.

Inilah salah satu sebab kenapa bangsa Eropah nampak sedang mengalami masalah kekuatan atau ketahanan budaya moralnya, bagi mempertahankan kemajuan materialistik ekonomi yang mereka capai selama ini. Maka hiduplah mereka secara nafsu-nafsi. Jiran langsung tidak diketahui siapa. Aku aku dan kau kau. Masa-lahmu tidak wajar dikongsi kepadaku!

Kapitalisme dieksploitasi lalu, sedar atau tidak sedar, menanamkan sifat tamak manusia bagi memperhambakan manusia itu kepada barang-barangan berjenama keluaran kapitalisme dan melahirkan budaya kepenggunaan, tanpa memikirkan kebaikan moral atau nilai manusia. Natijahnya ialah wujudnya kemajuan materialistik yang palsu.

Bila nafsu serakah mengatasi nilai moral yang murni mudahlah menjadi pengguna palsu yang tergamak melakukan kegiatan-kegiatan sumbang dan negatif semata-mata untuk memenuhi kehendaknya. Nah, kepentingan diri sendiri diutamakan.

Dalam hal ini saya tertarik dengan pendapat seorang ahli ekonomi politik Barat bernama Francois Perroux dalam bukunya, *A New Concept of Development* berkata: "The first generation of classical English economists... led people astray by ascribing to industry the ability to bring about universal peace, and to market expansion the capacity to allocate resources in accordance with the requirements of economic efficiency and feasible justice." Beliau ini adalah pemenang Hadiah Novel, anugerah berwibawa serta berprestij yang tersohor di arena antarabangsa, pada pertengahan 80-an.

Walhal fikir-fikirlah. Ambil contoh yang paling mudah, di kalangan kita yang hidup di alam Melayu ini, masih terserlah nilai kejiran dan semangat gotong-royong. Ni-

usahaan dan pasaran bebas yakni kapitalisme dapat menyelesaikan masalah pembangunan manusia di mana-mana saja.

Lalu kita mahu masih berkiblat ke mana? Model Barat! Model yang berpaksi kepada nafsu manusia. Bagi memajukan manusia mereka menggunakan kaedah materialistik. Kaedah sedemikian digunakan bagi memenuhi kemauan manusia yang tidak terhad. Keadaan manusia hanya dilihat secara luaran. Sifat-sifat dalam tidak diambil kira.

Model pembangunan yang dianjurkan oleh Barat adalah model pembangunan kebendaan. Bagi mereka, nilai kerohanian dianggap sebagai nilai pinggiran. Dalam model tersebut, bimbingan agama dilihat sebagai perkara yang wujud secara ber-

adaan hidup kebendaan

lai-nilai masyarakat kampong yang sudah sekian lama jadi budaya kita ini-lah yang langsung tidak ada di dunia maju.

Kita masih kenal malah mahu tahu siapa jiran kita, siapa tetangga kita. Siapa saudara mara kita, siapa kerabat kita. Dan di atas segala itu kita tahu bahawa kita ini adalah manusia yang tahu bersyukur pada alamnya. Manusia yang masih kental dengan budayanya. Manusia yang menyantung tinggi nilai-nilai moral dan kemasyarakatan, di samping lututan menghargai nilai-nilai kemanusiaan.

Sebab kita melihat keadaan manusia bererti keadaan seluruhnya iaitu keadaan dalaman dan luaran. Pendidikan Islam tidak terarah kepada hal-hal dunia melulu, sebagaimana bangsa Yunani dan Romawi, tidak juga sama dengan orang Kristian.

Dari sudut pandangan Islam, manusia bukanlah roh saja sebagaimana anggapan sebahagian aliran falsafat yang berusaha sekuat mungkin untuk me-

totot-ototnya bagi bertanding dengan binatang buas, demi memuaskan hati pengusaha.

Manusia itu dalam pandangan Islam ialah akal, jasad dan roh. Akal mempunyai tugas tersendiri, di dalam hal keimanan dan peranan kehidupan serta aturan-aturannya.

Tetapi harus difahami bahawa setiap individu itu mahu jadi dirinya sendiri. Ya, jadi diri sendiri. Nah, bangunkan diri anda. Kita tidak ditegah meniru keberhasilan orang lain. Kejayaan dan kecemerlangan yang diraih oleh orang lain itu sebenarnya dapat dijadikan dorongan untuk anda menjadi diri anda sendiri.

Anda tetap diri anda. Namun cara berfikir, cara menangani emosi, sikap, kematangan dan kedewasaan, kebijaksanaan serta gerak langkah anda semua perlu diubah jika mahu maju dan berjaya. Nah, semua itu dimulai dari cara pandang yang benar.

Diawali dengan iktikad dan satu keyakinan bahawa yang benar melahirkan tindakan-tindakan yang

**FAHAM-FAHAMLAH, tiada suatu kebahagiaan akan dapat dinikmati tanpa ikhtiar. Dalam kehidupan manusia, terdapat tahap-tahap pertumbuhan dan perkembangan yang saling berterusan. Dan perjalanan yang matang serta jauh bermula dari langkah pertama, kemudian langkah-langkah seterusnya. Kenapa di kalangan kita malar berpendapat bahawa dalam proses mematangkan paradigma maka kita pun terburu-buru melihat acuan ke Barat? Kenapa? Malah sering pula mahu meminggirkan budaya dan tamadun diri sendiri yang memang ternyata tidak kalis ditelan zaman. Jadi sebelum kita menerima mana-mana acuan Barat dalam kegigihan kita untuk pembangunan insan, mari kita teliti apa kata mereka mengenainya.**

asingan daripada kegiatan ekonomi, industri dan teknologi.

Bahkan, sebahagian besar bimbingan agama tidak dijadikan asas bagi memimpin manusia dalam dunia ekonomi, industri dan teknologi. Ruang lingkup agama pula dihadkan kepada upacara peribadatan khusus seperti kahwin dan kematian saja. Mereka menterjemahkan kehidupan kerohanian sebagai urusan peribadi semata-mata.

Walhal fikir-fikirlah. Ambil contoh yang paling mudah, di kalangan kita yang hidup di alam Melayu ini, masih terserlah nilai kejiran dan semangat gotong-royong. Ni-

nonjolkan roh atas bahagian yang lainnya.

Tidak juga akal sahaja, sebagaimana pandangan ahli-ahli fikir Yunani pada masa silam. Sebahagian dari aliran-aliran yang menganggap dirinya maju pada zaman yang moden, sehingga mencapai darjah bagi membolehkan semua yang masuk dalam lingkungan akal tunduk di bawah kekuasaannya.

Bukan pula raga atau tubuh badan sahaja, seperti mana anggapan kerajaan Romawi dan Eropah. Mereka memfokus perhatian pada jasad melihat rangsangan-rangsangan demi memenuhi kepuasan dan keindahan-nya, ataupun memperkuat-

benar, sehingga nanti membentuk kebiasaan-kebiasaan yang benar.

Jadi, untuk menjadi seorang Muslim yang beriman kita digalak untuk sentiasa optimis. Kerana Allah Subhanahu Wata'ala selalu ajarkan kepada kita, ya umat manusia, bagaimana cara-cara kita untuk menjadi orang-orang yang bermutu dan bernalih cemerlang. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Mu'minun ayat 1 hingga 5 yang kira-kira tafsir-Nya:

"Sesungguhnya berjaya orang-orang yang beriman. Iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya. Dan mereka

yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia. Dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya (dengan memberikan zakat harta itu). Dan mereka yang menjaga kehormatannya."

Begitu jelas Allah menunjukkan langkah strategik bagi menjadi orang yang bermutu tinggi dalam menjalani kehidupan di dunia ini. Nah, amat dan sungguh beruntunglah orang-orang yang beriman.

Maknanya, untuk menjalani hidup yang bahagia di dunia dan di akhirat ialah menjalani iman dalam hati. Maaf cakap, iman bukan sekadar terletak dalam akal fikiran. Kenapa? Sebab keimanan bukan sesuatu yang boleh dinasih. Iman bukan sesuatu yang boleh dipandang ringan dan buat main-main.

Iman itu adalah sesuatu yang dihayati, yang diyakini dan direnungkan dalam hati kita. Iman itu memerlukan perwujudan. Salah satu perwujudannya adalah khusyuk dan tawaduk di dalam sembahyang.

Sembahyang bukan sekadar gerakan-gerakan fizikal yang kita lakukan. Kerana itu ketika kita sembahyang perlu khusyuk. Hati kita ketika itu hanya kepada Allah sahaja. Allah adalah segala-galanya buat kita.

Orang-orang yang berjaya adalah mereka yang sentiasa menjaga kecenderungan-kecenderungan nafsunya. Kita sedia maklum bahwa dalam hidup ini ada terdapat dua tarikan iaitu secara tegak atau vertikal dan secara mendatar. Kenapa? Jawabnya, Allah menjadikan manusia ini dari dua unsur. Yang satu, unsur samawi atau langit, dan yang satu lagi unsur bumi iaitu tanah.

Lalu dua unsur ini saling tarik menarik. Jadi jika mahu menjadi orang yang bahagia dan sejahtera di dunia dan akhirat, kita harus pandai menjaga keseimbangan tarikan secara menegak dan tarikan secara mendatar itu.

Nah, ada ketikanya kita harus memperkuuh hubungan vertikal kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan ada ketikanya pula kita harus bersikap realitis dalam menjalani dan menghadapi kehidupan harian ini.

Benar, tidak salah untuk menentukan suatu tujuan hidup yang makin tinggi dan makin bermutu. Na-

mun harus difahami bahawa prinsip kita dalam menguasai kehidupan ini bukan sekadar bertanggungjawab, juga mampu memikul tanggungjawab itu kelak. Terdapat lima aspek yang perlu ditangani.

Pertama, manfaatkan masa hidup sebelum masa matimu. Kehidupan adalah anugerah Allah bagi hamba-hamba-Nya. Kedua, manfaatkan masa sehatmu sebelum datang masa sakitmu. Alhamdulillah, hari ini kita dikurniakan nikmat sihat. De ngannya kita dapat beramal kebajikan dan beramal soleh.

Ketiga, manfaatkan masa kayamu sebelum datang masa miskinmu. Keempat, manfaatkan masa senangmu sebelum datang masa sibukmu. Yakinlah setiap orang hanya punya masa satu hari sama yakni 24 jam. Nah, waktu lapang kita gunakan ke mana? Kelima, manfaatkan masa muda sebelum datang masa tua.

Setiap orang bebas mentafsir mengikut kadar fikiran dan ilmu yang diri masing-masing. Tapi jangan serahkan neraca perimbangan kepada nafsu, kerana itu pasti akan sesat dan menyesatkan.

Sesungguhnya kekuatan jiwa akan membawa kebahagiaan. Kebahagiaan terletak di hati. Orang yang kuat hatinya dengan iman tidak akan kecewa dengan hidup. Ia tidak akan putus asa dengan perjuangan. Ia akan sanggup berhadapan dengan sebarang ujian.

Nah, anda memiliki cita-cita, punya harapan. Harapan untuk hidup bahagia di dunia dan di akhirat. Jika demikian, tanamkan semangat untuk hidup. Perbaiki ibadah kita. Tingkatkan iman kita. Jikapun anda sudah terlanjur membuat kesalahan, itu bukan bermakna pintu taubat ditutup, tidak. Rancang kembali tujuan hidup anda. Tiada manusia di dunia itu serba sempurna.

Tapi elakkan diri dari menjadi seorang pemimpin kerana mimpi adalah suatu proses bukan satu pekerjaan. Mimpi juga bukan tujuan. Nah, mari kita bersama bina keluarga bahagia. Keluarga yang ingin berbakti di bumi Melayu Islam Beraja, yang menghendaki generasi akan datang hidup aman damai di bumi dilimpahi dan diberkati dengan zikir-zikir. Negara kita ini memang sunatullah-Nya menjadi Negara Zikir. Amin!

J AM menunjukkan pukul 6.40 pagi. Ini bererti waktu untuk pergi ke sekolah sudah sampai. Aku sudah bersedia untuk menghantar dua orang anakku ke sekolah. Seorang ke sekolah menengah dan seorang lagi ke sekolah agama. Kedua-dua sekolah itu terletak di kawasan yang agak sibuk.

“Di bandar, kalau lepas pukul 6.45 pagi memang jalan *traffic jam*. Aku, iatah inda ku mau tinggal di bandar atau *Traffic jam* itu tah, membuat ku *stress*,” kata kawan-ku sebelum aku dan keluarga berpindah ke bandar.

Memang asalnya aku bukan orang asli bandar. Tapi sejak berpindah tempat kerja dan membina rumah atas *loan kerajaan* di sana, kami pun menetap ke bandar. Kini sudah lebih tiga tahun kami sekeluarga menjadi warga bandar.

“Atu perkara biasa tu. Namanya bandar. Kalau noda *traffic jam* atau alum lagi namanya bandar. Sanang saja, kalau inda mau tersangkut arah *traffic jam*, jalan tah awal-awal,” balas seorang lagi kawanku. Aku diam saja. Pendapat kawanku itu aku setujui. Waktu itu kami duduk-duduk minum kopi di sebuah kedai minum. Kedai ini sering menjadi tempat persinggahan kami selepas menghadiri masyuarat.

“Jibun, Yib, sudah siap kamu?” teriaku memanggil kedua-dua orang anakku. Sementara menunggu mereka, aku duduk di bilik tamu sambil membaca surat khabar keluaran dua hari lepas. Tidak lama kemudian kedua-dua anakku keluar dari bilik mereka dengan pakaian seragam sekolah.

“Nada apa-apa perkakas sekolah yang tinggal?” tanyaku.

“Semuanya sudah ada,” jawab Bang Toyib ringkas. Bang Toyib adalah anakku yang sulung. Dia bersekolah di sekolah menengah dalam Tingkatan Lima. Jibun pula anakku yang bungsu.

ba kekurangan ketika itu. Jangankan kereta, jalan kecil pun jarang-jarang dilalui oleh kenderaan. Orang kampung sendiri tidak memiliki kereta kecuali sebuah milik seorang pekedai di situ. Itulah satu-satunya kedai runcit yang ada di kampungku. Dia memiliki sebuah kereta *land rover* yang tak ubah seperti kenderaan tentera.

Di luar sana, kereta Suzuki Swift berwarna putih sudah bersedia dari awal tadi. Enjinnya dipanaskan lebih kurang sudah 15 minit. Kereta itu cukup berjasa kepada kami sekeluarga. Hingga hari ini, sudah lebih 16 tahun aku memandunya. Enjinnya masih *steady*, cuma sistem penghawa dinginnya saja tidak berfungsi lagi.

Inilah yang membuat anak-anakku selalu merungut, lebih-lebih lagi ketika hari hujan. Cermin terpaksat ditutup rapat dan membuatkan kami di dalam kepanasan. Aku secara diam-diam juga turut merungut tetapi apakan daya, perbelanjaan belum mengizinkan untuk membaikinya apatah lagi untuk membeli kereta baru. Namun jauh di dalam hati, aku bersyukur jua kerana dapat memiliki jika dibandingkan dengan orang lain yang terpaksa bergantung harapan pada orang lain.

Kami semua masuk kereta itu. Perlahan-lahan kami meninggalkan pekarangan rumah. Aku menghantar anakku yang bersekolah agama duhulu dan kemudian ke sekolah menengah. Perjalanan berjalan seperti biasa. Tiada *traffic jam* di situ. Maklumlah perjalanan dikira masih awal lagi.

Melihat wajah anak-anakku di dalam kereta, aku terkenang masa ku kecil-kecil dahulu. Aku juga pergi ke sekolah tetapi sekolahku di kampung. Kampung itu ialah kampungku sendiri, tempatku dilahirkan 46 tahun dahulu. Kampungku itu jauh di pedalaman dan ser-

Tiap-tiap pagi aku dihantar oleh emak. Kadang-kadang bapa juga turut menghantar jika dia tidak turun menoreh getah. Ekonomi keluarga pada waktu itu banyak bergantung pada hasil dari meneoreh getah. Mereka datang dengan pesawat helikopter tentera untuk

# Nostalgia: Ke Sekolah



OLEH : PAT

hingga ke tepi jalan kecil. Sampai di sana aku berjumpa dengan kawan-kawan yang datang dari hulu. Mereka juga berjalan kaki seperti aku. Cuma bezanya mereka ramai dan sebab itulah ibu bapa mereka tidak turut sama.

Aku dan kawan-kawan pergi ke sekolah berjalan kaki. Kebetulan pula rumah keluargaku terletak di seberang sungai. Aku terpaksa meniti di atas titian batang kayu, melintasi ladang pokok getah, sawah padi dan jalan kecil, sebelum sampai ke sekolah. Perjalanan ini mungkin memakan masa kira-kira 40 minit. Sayang sekali aku tidak memiliki jam ketika itu.

“Bangun, pukul 6.00 sudah.” begitulah suara emak membangunkan aku setiap pagi persekutuan.

Waktu persekutuan selesai jam 12.30 tengah hari dan seterusnya makan tengah hari. Sebaik saja makan tengah hari selesai, kami pulang bersama-sama. Kami merasa sangat beruntung kerana pihak kerajaan menyediakan makan tengah hari. Sedikit sebanyak telah membantu meringankan perbelanjaan sekolah kami ketika itu.

Ada kalanya beberapa orang murid membawa pulang sisa makanan tengah hari ini untuk makanan binatang peliharaan mereka.

“Hari ani kitani balik akhir, kita liat ‘bilun’,” kata kawanku. ‘Bilun’ itu bermakna helikopter atau kapal terbang dalam bahasa tempatan. Mendengar katanya tadi kami semua bersetuju. Waktu itu rombongan dari doktor udara ini datang ke kampung se bulan sekali. Mereka datang dengan pesawat helikopter tentera untuk

memberi rawatan percuma pada penduduk tempatan. Mereka mendarat di padang sekolah kira-kira jam 8.00 pagi dan pulang jam 2.00 petang.

Dalam hal ini kami mengambil kesempatan untuk balik akhir ke rumah pada hari itu. Tujuannya supaya dapat melihat ‘bilun’ ini, dua kali pada hari itu. Maklumlah bagi kanak-kanak kampung, benda-benda seperti ini jarang dapat dilihat secara dekat. Bagiku yang suka melukis, aku lukis benda ini di dalam buku. Kawan-kawan sedarjahku suka melihat hasil lukisanku.

Aku tersenyum kambring mengenangkan peristiwa-peristiwa itu. Namun begitu perhatianku tetap ke jalan raya sepe-nuhnya. Nampaknya jalan raya mulai sibuk. Dua anggota polis trafik wanita kelebihan bertugas di jalan pusing keliling mengawal laluan kenderaan. Jalan pusing keliling inilah yang selalu membuat perjalanan tidak lancar kalau tiada anggota polis di situ.

“Bang Ayib ada duit sudah?” tanya Jibun yang duduk di belakang.

“Ada.” jawab Bang Toyib yang sedang asyik memilih ‘kaset’ lagu tidak ubah seperti jurujual kaset di pasar raya.

“Okay, kamu berdua pakai duit cermat-cermat. Pakai bila keadaan memerlukan saja. Kalau ada labih simpan.” sampukku, sambil melihat sebuah kereta mewah melintas jalan di hadapan.

“Anak-anak sekolah sekarang ani bukan macam zaman kami dulu. Diorang memerlukan duit saku

yang banyak. Lagipun sekolah di kawasan bandar makan dan minum tidak disediakan. Setiap orang murid itu inda kurang BND3,” kataku ketika berbual-bual bersama bapa di kampung.

“Banyak juu belanjanya?” tanya bapa lagi.

“Apa inda pa, minuman paling murah 80 sen, makanan macam nasi inda kurang BND1. Kalau damit bungkusnya terpaksa mambali dua. Kan itu sudah hampr BND3. Atu baru seorang. Ani diorang si Bang Toyib sama Si Jibun ku batakan BND3 seorang. Kalau sekolah tengahari tambah lagi BND3. Macam atulah perbelanjaan diorang tiap-tiap hari,” sambungku.

Bapa, yang juga datuk kepada Bang Toyib dan Jibun termenung sebentar mendengar penjelasan ku itu. Dia seolah-olah terkejut melihat perbelanjaan anak-anak sekolah di bandar begitu banyak. Dulu ketika aku bersekolah kampung dia memberi duit sekadar beberapa sen saja sehari.

Aku teringat bilamana bapa mengumpul duit syiling apabila pulang dari kedai runcit. Duit itu digunakan untuk perbelanjaan jaanku ke sekolah. Aku hanya memperuntukkan sekitar 20 atau 30 sen saja sehari. Waktu itu tiada banyak yang dibeli. Kantin sekolah kecil saja. Yang masih ku ingat gula-gula ketika itu 10 sen empat biji dan sebungkus keropok udang jenama kingkong berharga 5 sen sebungkus. Tapi hari ini ku dengar jenis barang makanan yang dijual di kantin sekolah sudah bermacam-macam jenis.

Itulah realitinya perbelanjaan anak-anak sekolah sekarang. Bayangkan jika

pedalaman, pihak kerajaan masih menyediakan skim pemakanan. Dengan ini dapatlah warga kampung, khususnya yang berpendapatan rendah, membahagi-bahagikan pendapatan mereka antara perbelanjaan persekolahan dan perbelanjaan rumah tangga.

“Pa, esok darjah kami akan mengadakan lawatan ke pameran buku di ICC. Kata cikgu kami, bawa duit sekurang-kurangnya BND10 untuk membeli buku.” tiba-tiba Jibun mengeluarkan pesan cikgu itu.

“Okey tu, kalau bapa lupa, remindkan lagi bapa patang anji,” jawab ku.

Keretaku pandu terus. Kini kami menghampiri kawasan sekolah agama. Sebaik sajai sampai, aku memberhentikan kereta dan Jibun keluar menuju ke bilik darjahnya. Bilik darjahnya terletak di tingkat dua bangunan sekolah itu.

“Baik-baik di sekolah, dengar apa kata cikgu. Tumpukan perhatian sepe-nuhnya semasa belajar.” nasihatku pada Jibun sebelum ia melangkah keluar dari kereta.

Aku memang biasa memberi nasihat pada anak-anak ku. Dengan nasihat ini diharap mereka akan belajar bersungguh-sungguh. Lebih-lebih lagi sekarang soal untuk mendapatkan pekerjaan bukan mudah. Aku berharap anak-anak berjaya dan mampu berdikari demi masa depan mereka.

Keretaku menghampiri kawasan sekolah lagi. Tapi kali ini kawasan sekolah menengah. Sekolah ini agak sederhana besarnya, berhampiran dengan jalan besar. Pada waktu-waktu tertentu kawasan ini agak sibuk.

“Sini saja pa,” kata Bang Toyib sambil megang tali beg dan mengapit failnya. Waktu itu sudah jam 7.10 pagi. Kelebihan para pelajar dan guru mundar-mandir menuju ke bilik masing-masing.

“Karang bapa ambil jam 12.30 tengah hari. Kalau bapa lambat aku tunggu di pintu pagar,” pesan Bang Toyib.

Aku terus pulang. Sekarang kedua-dua anakku sudah berada di sekolah. Aku dalam keadaan stand-by di rumah kalau-kalau anak-anakku ada menelpon dari sekolah. Biasanya kalau ada keperluan, minta hantar buku, tidak balik tengah hari dan sebagainya, mereka menghubungi ke rumah.

Aku duduk di rumah menunggu waktu berlalu untuk ke sekolah lagi. Kali ini menjemput mereka pulang.



# Cari ilmu sebanyak mungkin bagi melahirkan bangsa hebat

MARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhannya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya agama Islam menitikberatkan ilmu pengetahuan, ia merupakan salah satu ajaran Allah Subhanahu Wata'ala yang amat besar faedahnya kepada manusia. Oleh kerana itulah untuk menjadi insan yang beriman dan bertaqwa serta berguna kepada agama, kita hendaklah memiliki ilmu melalui pendidikan yang sempurna. Pendidikan yang sempurna amat mustahak diberikan kepada anak-anak dan kerana kepentingannya itulah agama Islam telah mengajarkan umatnya supaya menerapkan ilmu agama kepada anak-anak sejak mereka dalam kandungan, di mana ibu-ibu yang mengandung digalakkan untuk membaca ayat-ayat suci Al-Qur'an sebagai didikan rohani kepada anak-anak dalam kandungan itu. Setelah dilahirkan pula sunat diazarkan dan iqamah di telinga anak-anak tersebut dan sunat juga dibacakan. Surah Al Ikhlas dan Al Qadr supaya kalimah yang mula-mula didengar oleh mereka setelah lahir ke dunia ini adalah kalimah tauhid. Di samping itu akhlak yang mulia juga hendaklah disemai ke jiwa

anak-anak sedari mereka masih kecil lagi.

Ibu bapa hendaklah bertanggungjawab memberikan didikan dan ilmu pengetahuan kepada anak-anak. Ilmu pengetahuan adalah suatu yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Kerana itu Rasulallah Sallallahu Alaihi Wasallam ada bersabda yang maksudnya:

*"Dari Anas bin Malik ia berkata: Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Menuntut ilmu adalah satu-satu kewajipan keatas setiap manusia." (Riyawat Ibnu Majah).*

Tanpa ilmu pengetahuan, hidup manusia akan berada di dalam kegelapan kerana ilmu itu cahaya yang dapat menerangi kehidupan. Tanpa ilmu, kehidupan manusia tidak akan maju dan tanpanya juga manusia tidak dapat membezakan antara kebenaran dengan kebatilan. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al Baqarah ayat 269, tafsir-Nya:

*"Allah memberikan hikmat kebijaksanaan ilmu yang berguna kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya menurut aturan yang ditentukan-Nya. Dan sesiapa yang diberikan hikmat itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran dan peringatan melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikiran."*

Dalam usaha memberikan pendidikan kepada anak-anak, ibu bapa menghantar anak-anak ke sekolah supaya anak-anak dapat mempelajaran ilmu dunia dan ukhrawi. Ibu bapa sanggup berbelanja dengan mengeluarkan wang ringgit demi masa depan anak mereka. Tidak dinafikan terdapat di kalangan ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah swasta.

Alhamdulillah, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memberikan kemudahan elaun pelajaran kepada pegawai dan kakitangan kerajaan yang menghantar anak mereka ke sekolah swasta. Perkara ini patutlah disyukuri dan memanfaatkan elaun tersebut dengan sebaik-baiknya.

mereka ke sekolah swasta. Perkara ini patutlah disyukuri dan memanfaatkan elaun tersebut dengan sebaik-baiknya, akan tetapi apa yang mendukacitakan terdapat sebilangan ibu bapa yang telah menyalahgunakan elaun pelajaran tersebut dan menggunakan untuk keperluan lain tanpa menghiraukan pembayaran yuran sekolah sehingga menyebabkan pembayaran yuran sekolah anak-anak mereka tertunggak.

Perkara seumpama ini tidak sepatutnya berlaku, kerana bantuan yang diberikan itu merupakan suatu amanah yang wajib ditunaikan. Ketahuilah bahawa menjaga amanah itu adalah satu sifat yang terpuji di sisi Allah Subhanahu Wata'ala dan antara ciri-ciri orang-orang yang beriman dan ganjaran yang dijanjikan bagi orang yang menuaikan amanah orang itu ialah surga.

Manakala orang yang tidak menjaga amanah yang telah diberikan kepada mereka itu adalah orang yang kianat. Agama Islam melarang umatnya dari berlaku kianat. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Anfaal, ayat 27 tafsir-Nya:

*"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkianati Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu mengkianati amanah-amana yang diberikan kepada kamu, sedang kamu mengetahuinya."*

adalah cahaya, dan cahaya ilmu itu tidak akan memberi petunjuk kepada orang yang melakukan dosa."

**Ketiga:** Memberi tumpuan sepenuh semasa belajar.

**Keempat:** Menghormati dan menerima nasihat para guru. Oleh itu pernuntut tidak boleh sekali-kali menunjukkan sikap tidak beradab terhadap guru, sompong dan enggan menerima nasihat guru. Sikap beginilah yang akan menjadikan ilmu yang dituntut itu tidak berkat.

**Kelima:** Memberi salam kepada guru di mana sahaja mereka berada, baik di kawasan sekolah, maupun di luar sekolah. Janganlah menunjukkan sifat keangkuhan dan masing-masing muka terhadap guru.

**Keenam:** Menjaga ke-

**KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memberikan kemudahan elaun pelajaran kepada pegawai dan kakitangan kerajaan yang menghantar anak mereka ke sekolah swasta. Perkara ini patutlah disyukuri dan memanfaatkan elaun tersebut dengan sebaik-baiknya.**

sihatan tubuh badan dan kebersihan pakaian. Selain itu, adalah lebih elok berwuduk dan berdoa terlebih dahulu kepada Allah Subhanahu Wata'ala sebelum belajar.

**Ketujuh:** Menjaga pandangan mata, pergaulan dan percakapan daripada perkara-perkara yang mendangkan dosa.

**Kelapan:** Memastikan makanan yang dimakan hendaklah bersih dan halal. Makanan yang meraugkan dari segi kehalalannya (*Subhah*) hendaklah dijahui dan ditinggalkan kerana makanan yang tidak halal dan tidak bersih itu menyebabkan sukar untuk menghafal ilmu pengetahuan. Sejarah Islam membuktikan bahawa penjagaan makanan yang halal telah berjaya melahirkan tokoh-tokoh Islam

yang mempunyai daya halan yang sangat hebat dan luar biasa, sebagai contoh Imam As-Syafie dapat menghafal dan mengulangi *Kitab Al Muattaa* yang dikarang oleh gurunya Imam Malik dalam satu malam sahaja. Imam Al-Bukhari boleh menghafal 600,000 hadis, Imam Ibnu Taimiyah dapat menghafal 200,000 hadis dan telah mengeluarkan petua ketika berumur 20 tahun. Inilah berkatnya kerana mereka sangat mengambil berat penjagaan makanan dan minuman.

Perlu kita sedari bahawa ilmu yang ada pada diri kita hanya sedikit. Ini jelas sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Khafif, ayat 109, tafsir-Nya:

*"Katakanlah wahai Muhammad, kalaular se-*



**SERUAN  
SUCI**

mua jenis lautan menjadi tinta untuk menulis kalimah-kalimah Tuhan, sudah tentu akan habis kerang lautan itu sebelum habisnya kalimah-kalimah Tuhan, walau pun Kami tambah lagi dengan lautan yang sebanding denganannya sebagai bantuan."

Marilah kita sama-sama berdoa semoga kita semua akan mendapat keberkatan dalam mencari ilmu pengetahuan dan beramal dengan demikian kita akan hidup bahagia dan berjaya di dunia dan di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Az-Zumar ayat 9, tafsir-Nya:

*"Katakanlah lagi kepada danya : adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang dengan tidak mengetahui? Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan memperingatan hanyalah orang-orang berakal semesta."*

## وقت سمبهیغ امساك، شوروق دان ضھی

وقت سمبهیغ ، امساك ، شوروق دان ضھی باقی داعیرہ بروني موارا دری هاری سبتو 2 جاتواری 2010 پرساماعن دعن 16  
محرم 1431 هیٺک کھاري جمعت 8 جاتواری 2010 پرساماعن 22 محرم 1431 اداله سفہت دباوه اين:-

مسیحی	امساك	صح	شوروق	ضھی	ظہر	عصر	مغرب	عشاء	ھجرہ
جاتواری									محرم
2	4.56	5.06	6.29	6.53	12.26	3.47	6.20	7.35	16
3	4.56	5.07	6.29	6.54	12.26	3.48	6.20	7.35	17
4	4.57	5.07	6.29	6.54	12.27	3.48	6.21	7.35	18
5	4.57	5.08	6.30	6.55	12.27	3.49	6.21	7.36	19
6	4.58	5.08	6.30	6.55	12.27	3.49	6.22	7.36	20
7	4.58	5.09	6.31	6.55	12.28	3.50	6.22	7.37	21
8	4.59	5.09	6.31	6.56	12.28	3.50	6.23	7.37	22

وقت ۲ سمبهیغ باقی داعیرہ توتوغ دتمبہ ساتو مینیت دان داعیرہ بلاعیت دتمبہ تیک مینیت دان سمبهیغ فرض جمعة دسلوروہ نخاری  
برونی داراسلام دمولاعی دری قوکول 12.45 تغہ هاری





JABATAN  
PENGANGKUTAN DARAT  
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

TAWARAN adalah dipelawa bagi mendapatkan BILANGAN PENDAFTARAÑ SIRI BAB 11 HINGGA BAB 9999.

Borang tawaran hendaklah dengan menggunakan sampul surat berukuran 4" x 9" dan catatan perkataan "TAWARAN BILANGAN PENDAFTARAÑ" di bahagian atas / kiri sampul surat tersebut.

Tawaran-tawaran hendaklah menyatakan butir-butir berikut:-

- Bilangan Pendaftaran yang dipohonkan.
- Harga Tawaran.
- Nama-Penuh, Alamat, Bilangan Kad Pengenalan dan Nombor Telefon.
- Setiap Permohonan hendaklah menyertakan wang bayaran perkhidmatan sebanyak dua puluh lima ringgit sahaja (B\$25.00).
- Harga bagi setiap tawaran hendaklah tidak kurang daripada Seratus Ringgit (B\$100.00)

Borang tawaran dan butir-butir mengenai dengan tawaran ini bolehlah didapati daripada Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Beribi, Cawangan Daerah Brunei/Muara dan Cawangan Daerah Kuala Belait. Tawaran tersebut hendaklah dihantar ke Peti Tawaran , Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan pengangkutan Darat, Jalan Beribi Gadong, Negara Brunei Darussalam.

Tawaran diterima bermula dari Hari Isnin 14 Disember 2009 dan tarikh tutup pada Hari Isnin, 18 Januari 2010, Jam 11.00 pagi.

BILANGAN PENDAFTARAÑ DUA  
ANGKA SIRI BAB UNTUK  
DITENDER BAGI ORANG RAMAI

BAB 11	BAB 32	BAB 46	BAB 60	BAB 74	BAB 90
BAB 13	BAB 33	BAB 47	BAB 61	BAB 75	BAB 91
BAB 14	BAB 34	BAB 48	BAB 62	BAB 76	BAB 92
BAB 16	BAB 35	BAB 49	BAB 63	BAB 77	BAB 93
BAB 17	BAB 36	BAB 50	BAB 64	BAB 79	BAB 94
BAB 18	BAB 37	BAB 51	BAB 65	BAB 80	BAB 95
BAB 20	BAB 38	BAB 52	BAB 66	BAB 81	BAB 96
BAB 22	BAB 39	BAB 53	BAB 67	BAB 82	BAB 97
BAB 23	BAB 40	BAB 54	BAB 68	BAB 83	BAB 98
BAB 24	BAB 41	BAB 55	BAB 69	BAB 84	BAB 99
BAB 25	BAB 42	BAB 56	BAB 70	BAB 85	
BAB 27	BAB 43	BAB 57	BAB 71	BAB 86	
BAB 30	BAB 44	BAB 58	BAB 72	BAB 88	
BAB 31	BAB 45	BAB 59	BAB 73	BAB 89	

JABATAN PERHUTANAN  
KEMENTERIAN  
PERINDUSTRIAN DAN  
SUMBER-SUMBER UTAMA

PEMBERITAHUAN TAWARAN  
JABATAN PERHUTANAN  
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN  
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

BILANGAN TAWARAN:  
JPH/S/TAW/222 (R)

TAJUK TAWARAN: PEMELIHARAAN  
TANAMAN KLIKII PINE DAN KAPUR DI  
SEKSYN 16 DI KAWASAN 3, SUNGAI  
KAGUM MUKIM BUKIT SAWAT,  
DAERAH BELAIT

Harga Tawaran : \$65.00  
(Yuran tawaran \$50.00 + Borang tawaran \$15.00)

1. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan dan dialamatkan kepada:

Pengerusi  
Lembaga Tawaran Kecil  
Tingkat Bawah  
Kementerian Perindustrian dan  
Sumber-Sumber Utama  
Jalan Menteri Besar BB3910  
Negara Brunei Darussalam

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar tidak

lewat dari jam 2.00 petang pada hari Selasa, 12 Januari 2010. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan tawaran, tajuk tawaran dan tarikh tutup tawaran tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal

4. Dokumen dan borang tawaran bolehlah diperolehi dari Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat Perhutanan, Tingkat 2 Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Berakas, Negara Brunei Darussalam pada waktu bekerja.

**Waktu Menerima Pembayaran:**  
Isnin hingga Khamis: 8.00 Pagi - 12.00  
Tengahari/1.30 Petang - 3.00 Petang  
Sabtu: 8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi

5. Setiap penender yang menyertai tawaran ini adalah dikehendaki untuk membayar sebanyak **B\$65.00** wang tunai (tidak dikembalikan) bagi tiap-tiap satu tawaran. **Penender adalah dinasihatkan untuk membawa jumlah wang yang genap berjumlah B\$65.00.**

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran tidak munasabah.



KEMENTERIAN KESIHATAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

1. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **Hari Rabu 16 Disember 2009**. Sila layari website Kementerian Kesihatan [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn)

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :-

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil.  
Peti Tawaran, Tingkat Bawah,  
Kementerian Kesihatan,  
Commonwealth Drive  
Bandar Seri Begawan BB 3910  
Negara Brunei Darussalam

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan dan hendaklah dihantar tidak lewat dari **jam 2.00 Petang, Hari Selasa pada 19 Januari 2010**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap

tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan **WANG TUNAI sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan)**. Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Akauan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

Waktu Menerima Bayaran

ISNIN –KHAMIS  
8.00 PAGI – 11.00 PAGI  
2.00 PETANG - 3.00 PETANG  
SABTU  
8.00 PAGI – 10.00 PAGI

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.
6. Tawaran adalah dibukakan kepada semua pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :-
- Sijil Pendaftaran Perniagaan Yang Masih Sahlaku dan Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan, atau Kementerian Pembangunan, manakala bagi Pemberong/Pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan (Drug and Medicine) mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah 'Poison Act' (Cap. 114)
7. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

2. Dokumen-dokumen tawaran boleh diperolehi dari Unit Kaunter perkhidmatan Pelanggan (Blok D), Jabatanarah Kewangan dan Perolehan Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 8 Januari 2010,, hari Jumaat, jam 10.00 pagi.
3. Bayaran tawaran, "Tender fee" dan "Dokumen fee" hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok D, Bangunan Baru, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran:-

Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 3.00 petang  
Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi  
2.00 petang - 3.00 petang

TAWARAN BIASA

BIL TAWARAN	KETERANGAN	YURAN TAWARAN	TARIKH TUTUP
KK/TK/38/2009 (ESTET)	RENOVATION WORKS FOR HALAL / HARAM SECTION / FOOD SAFETY LABORATORY DEPARTMENT OF SCIENTIFIC SERVICES, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (CLUSTERING)	\$30.00	19/1/2010 Tidak lewat jam 2.00 Petang

TAWARAN KECIL

BIL TAWARAN	KETERANGAN	YURAN TAWARAN	TARIKH TUTUP
KK/TK/39/2009 (HEALTH) (TC)	THE PROVISION OF WASTE COLLECTION AND DISPOSAL SERVICES FOR HEALTH CENTRES AND CLINICS IN THE BRUNEI-MUARA DISTRICT (ZONE A) FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS (CLUSTERING)	\$10.00	19/1/2010 Tidak lewat jam 2.00 Petang
KK/TK/40/2009 (HEALTH) (TC)	THE PROVISION OF WASTE COLLECTION AND DISPOSAL SERVICES FOR HEALTH CENTRES AND CLINICS IN THE BRUNEI-MUARA DISTRICT (ZONE B) FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS (CLUSTERING)	\$10.00	19/1/2010 Tidak lewat jam 2.00 Petang
KK/TK/41/2009 (HEALTH) (TC)	THE PROVISION OF WASTE COLLECTION AND DISPOSAL SERVICES FOR HEALTH CENTRES AND CLINICS IN THE TUTONG DISTRICT (ZONE C) FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS (CLUSTERING)	\$10.00	19/1/2010 Tidak lewat jam 2.00 Petang
KK/TK/41/2009 (HEALTH) (TC)	THE PROVISION OF WASTE COLLECTION AND DISPOSAL SERVICES FOR TEMBURONG HEALTH OFFICE FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS (CLUSTERING)	\$10.00	19/1/2010 Tidak lewat jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MINDEF/DFA/RC/92 (2)

THE OPERATION AND MAINTENANCE OF BULK SYSTEM (BFI) OF THE ROYAL BRUNEI AIR FORCE AT RIMBA LINK  
Yuran Tawaran: \$50.00 (tidak dikembalikan)

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Blok C, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat **jam 2.00 petang hari Selasa 12 Januari 2010**.

Waktu bagi menerima bayaran:-

Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 3.00 petang  
Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi  
2.00 petang - 3.00 petang

4. Pembekal adalah dikehendaki membayar semua Yuran Dokumen dan Bayaran Tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide-tender). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.
7. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir Syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.
8. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.
9. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran itu seperti mana yang diiklankan.



**KEMENTERIAN  
PERTAHANAN**

**BILANGAN TAWARAN:**  
JPPK/LTN/50/2009  
VOTE NO. SB02A/150200/B00405

**TAJUK TAWARAN :**  
THREE YEARS TERM CONTRACT FOR  
MINTENANCE AND REPAIR OF  
COMPOUND, STREET, FENCING  
SECURITY LIGHTING AND HELIPAD /  
AVIATION  
LIGHTING SYSTEM FOR  
ESTABLISHMENT WITHIN  
BRUNEI MUARA AND TEMBURONG  
DISTRICT

Bayaran Tawaran : \$ 500.00  
(Tidak dikembalikan)

Kelas : IV ke atas  
Kategori : 7(a), 7(b) and 7(c)  
Tempoh Penyiapan : 3 tahun

1. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Blok C, Tingkat Bawah Jabatanarrah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garrison BB 3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 petang hari Selasa, 19 Januari 2010.**
2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatanarrah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Blok D, Tingkat 1 Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison

BB 3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). **Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 15 Januari 2010, hari Jumaat jam 3.00 petang.**

**BILANGAN TAWARAN:**  
MINDEF/DFA/RC/137 (2)

**TAJUK TAWARAN :**  
MAINTENANCE SERVICE, REPAIR  
(MINOR & MAJOR WORK) AND SUPPLY  
OF SPARE PARTS OF MOTORCYCLES  
(3 YEARS CONTRACT)

Bayaran Tawaran : \$ 100.00  
(Tidak dikembalikan)

3. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Blok C, Tingkat Bawah Jabatanarrah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garrison BB 3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 petang hari Selasa, 26 Januari 2010.**

4. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatanarrah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Blok D, Tingkat 1 Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison BB 3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). **Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 22 Januari 2010, hari Jumaat jam 10.00 pagi.**

**BILANGAN TAWARAN:**  
MINDEF/DFA/2009/K/193

**TAJUK TAWARAN :**  
PEMBELIAN KELENGKAPAN  
MEMANJAT REJIMEN PASUKAN KHAS  
(3 JENIS)  
Bayaran Tawaran : \$ 50.00  
(Tidak dikembalikan)

5. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Blok C, Tingkat Bawah Jabatanarrah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garrison BB 3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 petang hari Selasa, 19 Januari 2010.**
6. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatanarrah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Blok D, Tingkat 1 Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison BB 3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). **Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 15 Januari 2010, hari Jumaat jam 10.00 pagi.**
7. Wang bayaran Yuran Tawaran dan yuran Dokumen hendaklah dibayar secara tunai di Bahagian Kewangan, Jabatanarrah Kewangan dan Perolehan, Blok C, Tingkat Bawah, Bolkiah Garrison Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison BB 3510, Negara Brunei Darussalam.

**Waktu bagi menerima bayaran:**

**Isnin - Khamis :**  
8.00 pagi - 11.45 pagi  
2.00 petang - 3.00 petang

**Rabu :**  
8.00 pagi - 11.45 pagi

**Jumaat :**

- 8.00 pagi - 10.30 pagi
8. Pemberong adalah dikehendaki membayar yuran Dokumen dan Bayaran Tawaran bagi semua tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemberong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur ("bona-fide-tender"). Kadar yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.
9. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.
10. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur ("non-bona-fide-tender") dan tidak akan dilayan.
11. Salinan sijil pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.
12. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.
13. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini seperti mana yang diiklankan.



**JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

1. Tawaran adalah dipelawa bagi KERJA-KERJA PEMOTONGAN RUMPUT DAN Pembersihan Kawasan Hujung Landasan 21 DAN APPROACH LIGHT 21 LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BANGSA BRUNEI.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemberong, ditulis dengan:-

**TAWARAN BAGI  
KERJA-KERJA PEMOTONGAN RUMPUT  
DAN PBERSIHAN KAWASAN  
HJUNG LANDASAN 21 DAN  
APPROACH LIGHT 21 LAPANGAN  
TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI**

**Bilangan Tawaran:  
AME/2009-2010/SH-38/S**

**Tarikh Tutup: 6 JANUARI 2010**

3. Tawaran adalah dipelawa bagi KERJA-KERJA PEMOTONGAN RUMPUT DAN PBERSIHAN KAWASAN HJUNG LANDASAN 03 DAN APPROACH LIGHT 03 LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI.
4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemberong, ditulis dengan:-

**TAWARAN BAGI  
KERJA-KERJA PEMOTONGAN RUMPUT  
DAN PBERSIHAN KAWASAN  
HJUNG LANDASAN 03 DAN  
APPROACH LIGHT 03 LAPANGAN**

**TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI**

**Bilangan Tawaran:  
AME/2009-2010/SH-39/S**  
**Tarikh Tutup: 6 JANUARI 2010**

Kepada;  
Pengerusi Jawatankuasa Sebutharga d/a Bangunan Terminal Tingkat 2, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Jabatan Penerbangan Awam Kementerian Perhubungan Negara Brunei Darussalam

5. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebutharga Jabatan Penerbangan Awam **tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Rabu, 6 JANUARI 2010.** Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

6. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Pengurus Landasan, Bahagian Kejuruteraan dan Pemeliharaan Lapangan Terbang, Jabatan Penerbangan Awam, Negara Brunei Darussalam iaitu semasa hari-hari bekerja (Isnin-Khamis dan Sabtu). Penerangan lanjut bolehlah menghubungi melalui talian berikut:-

Telephone : 2330142 smb 1342 / 1376  
Telex : BU2267 Fax : 2332050

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Lembaga Tawaran Kecil  
Bahagian TENAGA,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Tingkat 5, Blok Unit Petroleum,  
Bangunan Bahirah, Jalan Menteri Besar,  
Bandar Seri Begawan, BB 3910

Kelayakan : Pembekal yang berdaftar di Kementerian Pembangunan bagi salah satu Kategori 6(f), 6(g) dalam Kelas II, III, IV, V & VI.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari kaunter Pengeluaran Dokumen, Tingkat Empat, Bahagian Perbekalan, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN  
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

**BILANGAN TAWARAN :**  
**JKP/SH/2009-2010/46**

Tajuk Tawaran : "EXPORT SHIPMENT BY AIR CARGO (EX BRUNEI TO PERTH, AUSTRALIA AND RETURN SHIPMENT TO BRUNEI - DOOR TO DOOR DELIVERY) - FLIGHT CENTRE TRAVEL EXPO  
Yuran Dokumen : \$5.00 (tidak dikembalikan)  
**Tarikh Tutup Tawaran : KHAMIS, 7 JANUARI 2010, JAM 2.00 PETANG**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN bagi Bilangan Tawaran : **JKP/SH/2009-2010/46** adalah dipelawa dari syarikat-syarikat berdaftar sebagai freight forwarder agency.

Pengerusi  
Jawatankuasa Sebutharga  
Jabatan Kemajuan Pelancongan  
Kementerian Perindustrian  
dan Sumber-Sumber Utama  
Jalan Menteri Besar,  
Bandar Seri Begawan BB3910  
Negara Brunei Darussalam

dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga yang terletak di Tingkat 2, Jabatan Kemajuan Pe-

lancongan, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan seperti yang dinyatakan di dalam setiap tawaran tersebut.

2. Dokumen-dokumen tawaran dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Kemajuan Pelancongan, Tingkat 2, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam.
3. Pembayaran yuran dokumen hendaklah dibuat di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat 2, Jabatan Kemajuan Pelancongan, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama pada waktu-waktu seperti berikut :

**Isnin – Khamis :** 8.30 pagi – 11.00 pagi,  
dan 2.00 ptg – 3.00 ptg

**Sabtu :** 8.30 pagi – 10.00 pagi

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan Borang Tawaran asal yang telah disediakan.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

**UNIT TAHANAN DAN PEMULIHAN,  
JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI,  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**NOTIS JUALAN LELONG**

JUALAN Lelong akan diadakan pada tarikh, waktu dan tempat seperti berikut:-

**Tarikh : 23 Januari 2010**

**Hari : Sabtu**

**Pukul : 9.30 pagi**

**Tempat : Unit Tahanan dan Pemulihan,  
Jerudong**

Syarat-syarat Lelong:-

1. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar secara tunai pada hari jualan lelong diadakan dan seterusnya memindahkan kenderaan yang dibeli

tidak lewat tujuh hari dari tarikh jualan lelong tersebut.

2. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.
3. Kegagalan memindahkan kenderaan yang telah dibeli dalam masa tujuh hari daripada tarikh perlongan ini akan dirampas dan akan dilelong semula dan pembayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.

**JENIS KENDERAAN – 1 BUAH  
Window Van (Passenger) L300**



**JABATAN  
PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**BILANGAN TAWARAN :**  
JPE/LTK/BP/102/2009

TAJUK TAWARAN : "SUPPLY AND DELIVERY OF 5,500 3C/185 MM2 11KV UNDER GROUND CABLE FOR HDD HOUSING PROJECT - CONTRACTS H7 AND H8, KG. LUMUT / SG. LIANG"

**Tarikh Tutup: 12 Januari 2010, Hari Selasa 2.00 petang**

Harga Tawaran: B\$500.00 (Tidak dikembalikan)

Tempat tutup : "TENDER BOX"



**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA  
KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI**

**PENCALONAN BAGI MENGISIKAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG  
SEBAGAI KETUA-KETUA KAMPUNG DI DAERAH BRUNEI DAN MUARA**

JABATAN Daerah Brunei dan Muara dengan suakacitanya mempelawa / menjemput penduduk-penduduk kampung berkenaan bagi menghadapkan pencalonan untuk mengisi kekosongan jawatan Ketua-Ketua Kampung di Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

1. Ketua Kampung Peramu,  
Mukim Peramu
2. Ketua Kampung Setia 'A',  
Mukim Sungai Kebun
3. Ketua Kampung Batu Marang,  
Mukim Mentiri
4. Ketua Kampung Bengkurong /  
Kampung Sinarubai, Mukim Kilanas
5. Ketua Kampung Sengkurong 'B',  
Mukim Sengkurong
6. Ketua Kampung Pulau Baru-Baru /  
Sungai Bunga, Tanjung Kindana,  
Mukim Kota Batu

Tanggagaji : C1.EB2 iaitu :  
\$1,280.00 hingga \$1,930.00

**KELAYAKAN CALON KETUA KAMPUNG**

1. Setiap calon ketua kampung hendaklah :-
  - (a) Seorang lelaki yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
  - (b) Sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan pelajaran di peringkat Tingkatan 3 atau kelulusan yang sebanding dengannya.
  - (c) Bermastautin di kampung yang berkenaan tidak kurang dua (2) tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya. Bermastautin adalah bermaksud bahawa calon Ketua Kampung hendaklah benar-benar tinggal di kampung yang berkenaan dalam tempoh yang dikehendaki di mana calon mempunyai tempat kediaman dan mendiami tempat tersebut.
  - (d) Berumur tidak kurang 30 tahun dan tidak melebihi 60 tahun sebelum atau pada tarikh pencalonan.
  - (e) Tidak menjadi ahli atau tidak terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam pertubuhan siasah yang difikirkan boleh menjelaskan kepentingan atau keselamatan negara.
  - (f) Mempunyai pengetahuan yang baik dalam Ugama Islam, kemasyarakatan dan adat resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat kampung berkenaan.
  - (g) Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan

bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemelulian.

- (h) Tidak pernah diisyiharkan muflis di bawah Undang-Undang yang dikuatkuasakan di Negara ini dalam tempoh dua(2) tahun sebelum pencalonannya, termasuk pada tarikh pencalonan melainkan sebelum itu pengisytiharan muflis telah dibatalkan oleh Mahkamah.
2. Calon yang terdiri daripada Pegawai Kerajaan jika dilantik sebagai Ketua Kampung hendaklah terlebih dahulu menamatkan perkhidmatan sebagai Pegawai Kerajaan.
3. Calon yang terdiri daripada ahli perniagaan atau pengusaha apabila dilantik menjadi Ketua Kampung boleh meneruskan perniagaan atau perusahaannya menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.
4. Pencadang dan Penyokong-Penyokong bagi seorang calon Ketua Kampung hendaklah terdiri daripada warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dan tinggal bermastautin di kampung yang berkenaan. Calon Pencadang dan Penyokong-Penyokong hendaklah menandatangani Borang Pencalonan. Borang Pencalonan berkenaan hendaklah dilengkapkan sepenuhnya sebelum dihadapkan ke unit Pentadbiran, Bahagian Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

5. Bagi pegawai-pegawai kerajaan yang sedang berkhidmat di Jabatan masing-masing ataupun dari pihak swasta hendaklah terlebih dahulu menghadapkan kebenaran bertulis dari Ketua Jabatan masing-masing dan menghadapkan surat kebenaran itu bersama semasa menghadapkan borang pencalonan.
6. Lain-lain syarat adalah tertakluk kepada Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 (Syarat-Syarat Lantikan dan Perkhidmatan Ketua Kampung).

**Tatacara menghadapkan borang pencalonan**

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh diperolehi dan dikembalikan ke alamat berikut :-

**Unit Pentadbiran,  
Bahagian Institusi Penghulu Mukim dan  
Ketua Kampung,  
Jabatan Daerah Brunei dan Muara,  
Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada hari Sabtu, 30 Januari 2010, jam 4.00 petang.



**JABATAN PERDANA MENTERI**

**JUALAN LELONG SECARA TERTUTUP**

BIL	JENIS	TARIKH DI PENDAFTARAN
1	MERCEDES S600	1994
2	MERCEDES S600	1994
3	MERCEDES 600 SEL	1992
4	MERCEDES 600 SEL	1992
5	MERCEDES 600 SEL	1992
6	MERCEDES 600 SEL	1992
7	MERCEDES S500	1998
8	MERCEDES S520	1998
9	MERCEDES S420	1998
10	MERCEDES S420	1998
11	MERCEDES S320	1998
12	MERCEDES S320	1998
13	MERCEDES S320	1998
14	MERCEDES 400 SEL	1993
15	DAIMLER	1996
16	DAIMLER	1996
17	T/LEXUS LS400	1992
18	T/LEXYS LS400	1992
19	N/PRESIDENT	1992
20	T/CROWN	1994

ADALAH dengan ini Jabatan Perdana Menteri akan mengadakan JUALAN LELONG SECARA TERTUTUP BAGI KENDERaan KENDERaan JABATAN PERDANA MENTERI bertempat di **Bahagian Kenderaan (Pool Transport), Spg 15, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas.**

Borang borang tawaran boleh didapat di Bahagian Kenderaan, Jabatan Perdana Menteri pada **15 Januari 2010 hingga 20 Januari 2010** di alamat berikut:

Bahagian Kenderaan,  
Jabatan Perdana Menteri  
Spg 15, Jalan Lapangan  
Terbang Lama, Berakas.

Bayaran perkhidmatan Lima Puluh Ringgit (B\$50) akan dikenakan bagi setiap penyertaan (sebuah kenderaan)

**SYARAT-SYARAT JUALAN LELONG:-**

1. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran-tawaran tersebut atau lain-lain tawaran.
2. Kenderaan yang dijual ini adalah dalam keadaan seadanya 'as it is' basis dan tidak

3. ada jaminan dari pihak Kerajaan.
4. Kenderaan boleh dilihat bermula dari hari JUMAAT 15 Januari 2010 hingga 20 Januari 2010 bermula dari jam 8.30 pagi hingga 11.00 pagi dan 2.30 petang hingga 3.30 petang, di Bahagian Kenderaan, Jabatan Perdana Menteri, Spg 15, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas.

4. Tawaran-tawaran boleh dibuat pada hari JUMAAT 15 Januari 2010 hingga 20 Januari 2010 bermula dari jam: 8.30 pagi hingga 11.00 pagi dan 2.30 petang hingga 3.30 petang.

5. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

6. Pembeli yang berjaya akan dimaklumkan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh tutup tawaran.

7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran secara tunai dan memindahkan kenderaan tersebut dalam tempoh 7 hari dari tarikh surat tawaran berjaya dikeluarkan.

8. Kenderaan yang telah dibeli tetapi tidak dipindahkan dalam tempoh tersebut akan dibatalkan dan pembayaran yang sudah dibuat tidak akan dikembalikan.

9. Keputusan ahli-ahli lelong adalah mutlak, sebarang surat-menyurat dan bantahan tidak akan dilayan.

tersebut di atas tidak akan dilayan. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya akan menerima tawaran yang paling rendah.

Dokumen tawaran boleh didapat dari Cawangan Keselamatan dan Perkhidmatan Am, Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Tunku Gadong pada waktu pejabat.

Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.

Tawaran hendaklah dihantar ke alamat tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup ditulis bilangan dan nama tawaran berkenaan, tanpa menunjukkan identiti pemborong kepada ;

**PENGERUSI**  
**LEMBAGA TAWARAN KECIL**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**  
**TINGKAT 1, BANGUNAN SEKRETARIAT**  
**BANDAR SERI BEGAWAN BS 8610**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**



**JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**NOTIS JUALAN LELONG**

JABATAN Keselamatan Dalam Negeri akan mengadakan jualan lelong perabot pejabat pada:

**Tarikh : 14 Januari 2010**

**Jam : 9.30 pagi**

**Tempat : Unit Tahanan dan Pemulihan**

Syarat-syarat Lelong:

1. Peralatan/perkakas yang dijual ini adalah dalam keadaan seadanya (as it is basis) dan tiada ada jaminan dari pihak kerajaan.
2. Pengunjung hendaklah membawa kad pengenalan bersama semasa jualan lelong dijalankan.
3. Pembeli yang berjaya dikehendaki untuk

membayar secara tunai pada hari jualan lelong diadakan dan seterusnya memindahkan barang-barang yang dibeli pada hari tersebut juga. Kegagalan berbuat demikian mengakibatkan pembelian dibatalkan dan wang pembayaran yang sudah dibuat tidak akan dikembalikan dan barang-barang yang dibeli akan dilelong semula.

Keterangan perabot pejabat yang akan dilelong:  
 i. Kerusi : 76 buah  
 ii. Meja : 10 buah  
 iii. Kabinet : 15 buah

**BIRO KAWALAN NARKOTIK  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Tawaran :  
( 71 ) BKN(A)/PENT/55**

**TAWARAN BAGI:  
MEMBEKALKAN CATUAN  
MAKANAN BAGI PUSAT AL-ISLAH**

**BIRO KAWALAN NARKOTIK,  
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tawaran adalah dipelawa dari syarikat / pemborong berdaftar untuk membekalkan catuan makanan bagi Pusat Al Islah, Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Perdana Menteri.

Syarat-syarat Tawaran : Tawaran tersebut di atas hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Selasa, 19 Januari 2010.

Tawaran yang diterima lewat dari tarikh


**KEMENTERIAN HAL  
EHWAL DALAM NEGERI**

Tajuk Tawaran: THE SUPPLY,DELIVERY, INSTALLATION,CONFIGURATION,TESTING, COMISSIONING OF NEW & EXISTING NETWORK FOR MINISTRY OF HOME AFFAIRS

**Bilangan Tawaran :**  
**KHEDN/EG/1/Network/2009**

**SYARAT-SYARAT , PANDUAN DAN MAKLUMAT**

1. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran kepada alamat Pengurus Lembaga Tawaran Kecil Khedn, Tingkat 1, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Bandar Seri Begawan BS 8610, Negara Brunei Darussalam **tidak lewat dari Jam 2.00 petang, hari Selasa, 26 Januari 2010.**
2. Tawaran-tawaran yang di terima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran adalah di pelawa daripada Syarikat-Syarikat yang berdaftar terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
4. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surt hendaklah ditulis dengan bilangan/tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti Syarikat/ Pembekal.
5. Setiap Borang Tawaran yang telah diisikan dengan lengkap hendaklah disertakan dengan salinan Sijil Perniagaan 16&17 dan Resit Byaran Dokumen.
6. Syarikat-syarikat yang berminat untuk

membuat tawaran dihendaki memperolehi Dokumen Tawaran dari Bahagian Teknologi Maklumat, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan membayar Yuran Dokumen sebanyak B\$500.00 bagi **"Hard Copy Document"** (tidak dikembalikan) dan \$5 **"Soft Copy Document"** (tidak dikembalikan) di Bahagian Perhubungan Awam, Tingkat 3, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi setiap tawaran dan pembayaran tawaran diterima pada waktu bekerja seperti berikut :-

**Hari Isnin hingga Khamis**

**8.00 pagi - 11.00 pagi**

**2.00 ptg- 3.00 ptg**

**Hari Sabtu**

**8.00 pagi-10.00 pagi**

7. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari bahagian Teknologi Maklumat, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Bandar Seri Begwan BS8610, Negara Brunei Darussalam.
8. Syarikat-syarikat yang dipertimbangkan untuk ikut serta didalam tawaran in mempunyai pengalaman yang mencukupi dalam melaksanakan projek-projek dalam bidang Teknologi Maklumat (IT) sekurang-kurangnya dalam tempoh lima (5) tahun.
9. Sesi Taklimat (Information Day) akan di adakan pada 13 Januari 2010 jam 9.00 pagi bertempat di Dewan Serbaguna Jabatan Bomba dan Penyelamat.
10. Kerjaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Petuan Negara Brunei tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran tidak munasabah.


**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM **KELAS II, III & IV KATEGORI 1 SAHAJA**

Tarikh mengambil dokumen tawaran : 30 Disember 2009

Tarikh Terakhir mengambil dokumen tawaran : Tidak lewat dari jam 2.00 petang, Hari Selasa, 12 Januari 2010

**Tarikh Tutup Pada : 26 Januari 2010 (Selasa)  
Hingga jam: 2.00 petang.**

**BILANGAN TAWARAN :  
JKR/DOR/SRM 70/2009**

PEMBAIKAN SISTEM SALIRAN DI JALAN BERAKAS, BERDEKATAN DENGAN SIMPANG 603.

Yuran tawaran: **\$50.00 (Tidak dikembalikan)**

Yuran dokumen: **\$25.00 (Tidak dikembalikan)**

Jumlah yuran: **B\$70.00 (Tidak dikembalikan)**

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS I, II & III KATEGORI SPECIALIST IN PROVIDING QUALITY MANAGEMENT CONSULTANCY AND TRAINING SERVICES SAHAJA**

Tarikh mengambil dokumen tawaran : 30 Disember 2009

Tarikh Terakhir mengambil dokumen tawaran : Tidak lewat dari jam 2.00 petang, Hari Selasa, 12 Januari 2010

**Tarikh Tutup Pada : 26 Januari 2010 (Selasa)**

**Hingga jam: 2.00 petang.**

**BILANGAN TAWARAN :  
JKR/DOR/SRC 71/2009**

MENUBUHKAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI ISO 9001:2008 UNTUK JABATAN JALAN RAYA.

Yuran tawaran: **\$10.00 (Tidak dikembalikan)**

Yuran dokumen: **\$25.00 (Tidak dikembalikan)**

Jumlah yuran: **B\$35.00 (Tidak dikembalikan)**

**Syarat-syarat:**

1. Harga tawaran hendaklah menurut kiraan penghantaran sehingga ke Jabatan Percetakan Kerajaan, Lapangan Terbang lama, Berakas BB 3510, Negara Brunei Darussalam.
2. Tawaran yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan.
3. Semua tawaran hendaklah disertakan dengan **contoh kertas** menurut butir-butir penentuan serta keterangan yang diperlukan seperti mana yang ditetapkan dalam borang tawaran yang disedia-kan. Kegagalan mengisi/memberi keterangan yang diperlukan akan menyebabkan tawaran tidak akan dilayan.
4. Tawaran lain yang dibuat selain daripada yang ditetapkan adalah terhad kepada 1 jenis sahaja. Segala butir penentuan (specification) mengenai kertas tersebut hendaklah dinyatakan dengan jelas termasuk contoh-contoh serta keterangan-keterangan yang diperlukan.
5. Dokumen dan borang tawaran serta keterangan lanjut bolehlah diperolehi di Bahagian Pentadbiran, Jabatan Percetakan Kerajaan, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB 3510 dengan membayar Yuran Tawaran sebanyak B\$200.00 (tidak dikembalikan) bagi setiap tawaran pada hari bekerja :-

Hari Isnin - Khamis:

**8.00 pagi - 11.00 pagi**

**1.30 petang - 3.00 petang**

**Hari Sabtu:**

**8.00 pagi - 10.00 pagi sahaja.**

6. Harga-harga tawaran dan dokument-dokumen toner yang ditawarkan hendaklah dihantar terus kepada Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil,


**JABATAN UKUR  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**1.BILANGAN TAWARAN: JUA/09/159/TS/TE** - TAWARAN 'TOPOGRAPHICAL SURVEY BAGI TAPAK PENANAMAN PADI SENUKOH, DAERAH TEMBURONG

**2.BILANGAN TAWARAN: JUA/09/160/TS/TE** - TAWARAN 'TOPOGRAPHICAL SURVEY BAGI TAPAK PENANAMAN PADI LEKIUN/PERDAYAN, DAERAH TEMBURONG

**3.BILANGAN TAWARAN: JUA/09/161/TS/TE** - TAWARAN 'TOPOGRAPHICAL SURVEY BAGI TAPAK PENANAMAN PADI SELAPON, DAERAH TEMBURONG

1. TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Kerja-kerja hendaklah dilaksanakan oleh Juruukur Tanah Berlesen yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

3. Setiap penender hendaklah menyatakan seperti berikut:

- a. Sah Laku tawaran
- b. Tempoh masa untuk menyiapkan projek
- c. Ringkasan tatacara untuk membuat pengukuran projek ini.

4. Borang Tender's Declaration hendaklah disertakan setelah diisi dengan lengkap dan ditandatangani

5. Dokumen dan borang tawaran serta keterangan lanjut boleh diperolehi di Unit Juruukur Tanah Berlesen, Bahagian Kemajuan Tanah Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510,Negara Brunei Darussalam dengan membayar yuran tawaran

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam peti Tawaran, lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali lain daripada alamat yang dinyatakan dalam iklan atau Dokumen Tawaran).

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam Dokumen tawaran

4. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf

seperti yang dijadualkan dan dihantar pada hari bekerja :

Hari Isnin hingga Khamis:

**8.00 pagi hingga 3.00 petang**

(TERMASUK WAKTU REHAT TENGAH HARI)

Hari Sabtu: **8.00 pagi hingga 10.00 pagi**

6. Harga tawaran adalah mengikut harga yang dianggarkan oleh jabatan ini.

7. Yuran tawaran :  
**JUA09/159/TS/TE SEBANYAK \$30.00**  
**JUA09/160/TS/TE SEBANYAK \$100.00**  
**JUA09/161/TS/TE SEBANYAK \$50.00**

8. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan.

9. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan tidak menunjukkan sebarang tanda syarikat pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti di atas.

10. Tawaran hendaklah dihadapkan tidak lewat dari **jam 2.00 petang pada hari Selasa, 12 Januari 2010** kepada alamat berikut:-

Pengerusi  
Lembaga Tawaran Kecil,  
Kementerian Pembangunan,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510,  
Negara Brunei Darussalam.

11. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditentukan adalah tidak akan dilayan.

12. Salinan dokument-dokumen berikut hendaklah disertakan:-

- i) Sijil Pendaftaran Perniagaan
- ii) Lesen Rampaian
- iii) Kad Pengenalan/ No. Pasport
- iv) Daftar Pemilik syarikat

13. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

("JKR/DDGKB..") bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrek, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

5. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana jua kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

6. Sebelum Dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil oendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar Yuran Tawaran.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.

**JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

(BILANGAN TAWARAN : GP/TPN/1/90)

**TARIKH TUTUP TAWARAN :**

**19 JANUARI 2010**

11. Syarikat yang berjaya hendaklah bersetuju bahawa Harga Tawaran yang dibenarkan adalah sah bagi tempoh 1 tahun (12 bulan) dari tarikh Surat Tawaran dikeluarkan.


12. Syarikat yang berjaya hendaklah bersetuju membuat pembekalan dengan Harga Tawaran yang dibenarkan dalam 2 (dua) kali penghantaran. Penghantaran kedua hendaklah dibuat 6 bulan selepas penghantaran pertama atau bila-bila masa di kehendaki sepanjang tempoh tarawan. Pembekalan hendaklah dihantar dalam tempoh 45 - 60 hari dari tarikh Surat Notis Pembekalan dikeluarkan.

13. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berhak menolak atau membatalkan tawaran yang diberikan atau mengenakan denda bagi setiap jenis toner yang dihantar lambat dari tarikh yang ditetapkan. Sebarang kegagalan mengenai perjanjian dan peraturan yang telah ditetapkan akan dilaporkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam untuk tindakan selazimnya.

14. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk memilih tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran dan berhak mengurangkan jumlah yang diperlukan.

dengan menanda di sampul itu :-

**PEMBEKALAN  
KERTAS PELITA BRUNEI**


**IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 38(b)  
DARIPADA PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN  
(LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN PANGKAT),  
AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**

**IKLAN ADALAH KHUSUS BAGI PEMOHON DARI KALANGAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG  
BERKHIDMAT DALAM PERKHIDMATAN AWAM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**IKLAN MENURUT PERATURAN 38(b) IAITU KHUSUS BAGI PEMOHON DARI KALANGAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DI  
KEMENTERIAN ATAU JABATAN DI MANA KEKOSONGAN JAWATAN DIKLANKAN**

**PERATURAN 38(b)**

**Syarat-Syarat Am:**

- a) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.
- b) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- c) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- d) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.
- e) Cara permohonan – Rujuk di ruang **PEMBERITAHUAN**.

**1. PEMBANTU PERANCANG BANDAR DAN DESA  
JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
D.4-5 EB.6 (\$1,225 - \$1,785 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (1)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

- a)i) BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) dalam bidang bersesuaian; atau kelulusan sebanding dalam bidang yang bersesuaian.
- Kelulusan lebih tinggi dalam bidang bersesuaian adalah kelebihan.

**ATAU**

- ii) Berkhidmat di Jabatan Perancang Bandar dan Desa sebagai Pembantu Perancang Bandar dan Desa Tingkat II dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- iii) Berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

- b) Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan atau disepanjang perkhidmatannya bagi yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun.

**PERINGATAN:**

- 1. Bagi iklan jawatan bilangan 1 adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di **Jabatan Perancang Bandar dan Desa**.
- 2. Tarikh Iklan: **28 DISEMBER 2009**.
- 3. Tarikh Tutup Permohonan: **18 JANUARI 2010**.
- 4. Tempat Menghantar Borang Permohonan: **PESURUHJAYA PERANCANG BANDAR DAN DESA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**.
- 5. Bagi keterangan lanjut, sila rujuk Surat Pemberitahuan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam **BILANGAN IKLAN : 106/2009**.

**2. PEGAWAI PENERANGAN KANAN  
JABATAN PENERANGAN  
JABATAN PERDANA MENTERI  
B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = DUA (2)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

- 1. a)i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kewartawanan / Komunikasi Massa atau bidang bersesuaian; atau kelulusan sebanding dalam bidang-bidang yang sama.
- Kelulusan lebih tinggi dalam bidang-bidang sama adalah kelebihan.
- ii) Berkhidmat di Jabatan Penerangan sebagai Pegawai Penerangan dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- b) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah hendaklah telah berkhidmat sebagai Pegawai Penerangan dalam tanggagaji B.2 tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

- 2. Lulus Peperiksaan Perkhidmatan Awam berikut:

- a) Peperiksaan Jabatan (jika ada);
- b) Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan;
- c) Peraturan-Peraturan Kewangan.
- 3. Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja Perkhidmatan Kemasyarakatan dan berkemampuan menyampaikan ceramah dan taklimat adalah kelebihan.
- 4. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

**PERINGATAN:**

- 1. Bagi iklan jawatan bilangan 2 adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di **Jabatan Penerangan**.
- 2. Tarikh Iklan: **28 DISEMBER 2009**.
- 3. Tarikh Tutup Permohonan: **18 JANUARI 2009**.
- 4. Tempat Menghantar Borang Permohonan: **PENGARAH PENERANGAN, JABATAN PENERANGAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**.
- 5. Bagi keterangan lanjut, sila rujuk Surat Pemberitahuan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam **BILANGAN IKLAN : 107/2009**.

**3. PEGAWAI YANG MENGUASAI LALULINTAS  
UDARA TINGKAT I  
JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN  
C.4 EB.5 (\$2,340 - \$2,970 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (1)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

- a)i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang Penerbangan Awam/Teknikal/Pengurusan atau kelulusan sebanding dalam bidang-bidang yang sama serta mempunyai pengalaman dalam bidang Penerbangan Awam/Teknikal/Pengurusan atau dalam bidang bersesuaian tidak kurang dari 3 tahun.

Kelulusan lebih tinggi dalam bidang-bidang sama adalah kelebihan.

**ATAU**

- ii) Berkhidmat di Jabatan Penerbangan Awam sebagai Pegawai Yang Menguasai Lalulintas Udara Tingkat II dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- ii) Berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan berkaitan dengan Penerbangan Awam/Teknikal/Pengurusan atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C3 tidak kurang dari 4 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

- b) Pegawai yang dilantik adalah secara percubaan. Setelah ianya memperolehi kelulusan dan lesen seperti di para (c), barulah ditetapkan jawatannya.

- c) Mempunyai Lesen Kawalan Lalulintas Udara dalam Aerodrome Control, Approach Control, (Non-Radar), Approach Radar, Area Radar dan Area Control (Non-Radar) bagi Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Telah menghadiri kursus Area Control (Non-Radar), kursus Penyeliaan dan kursus-kursus operasi dan teknikal lain yang bersesuaian adalah kelebihan.

- d) Mempunyai pengetahuan yang luas tentang sistem dan pengurusan ruang udara Negara Brunei Darussalam, alat-alat yang digunakan dalam pengendalian lalulintas udara dan berpengetahuan dalam aspek-aspek mencari dan menyelamat dan perkhidmatan Kecemasan Penerbangan.

- e) Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan atau disepanjang perkhidmatannya bagi yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun.

**PERINGATAN:**

- 1. Bagi iklan jawatan bilangan 3 adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di **Jabatan Penerangan Awam**.
- 2. Tarikh Iklan: **28 DISEMBER 2009**.
- 3. Tarikh Tutup Permohonan: **18 JANUARI 2009**.
- 4. Tempat Menghantar Borang Permohonan: **PENGARAH PENERBANGAN AWAM, JABATAN PENERBANGAN AWAM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**.
- 5. Bagi keterangan lanjut, sila rujuk Surat Pemberitahuan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam **BILANGAN IKLAN : 108/2009**.

**PEMBERITAHUAN :**

- 1. Semua permohonan adalah melalui pengisian (1) satu salinan sahaja borang SPA2 yang boleh didapat daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Salinan sijil-sijil, surat-surat akuan dan yang berkenaan hendaklah disertakan.
- 2. Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan profesional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah

**diiktiraf** oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

- 3. Mempunyai laporan penilaian prestasi ditahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan atau disepanjang perkhidmatannya bagi yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun.
- 4. Semua permohonan hendaklah lengkap dan dihadapkan tidak lewat dari tarikh tutup iklan. Borang permohonan yang diterima setelah tarikh tutup iklan tidak dilayan.
- 5. Bilangan kekosongan adalah betul semasa dicetak. Walau bagaimanapun, pemohon-pemohon boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai sebarang perubahan bilangan kekosongan dalam tempoh iklan dibukakan melalui cara berikut:
  - Menelefon 2381961 sambungan 530/537 atau 2383455 (Bahagian Iklan);
  - Melihat Papan kenyataan Tingkat I, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;
  - Melayari laman web rasmi Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Iklan Jawatan Kosong) iaitu:

Website:<http://www.spa.gov.bn/>

**DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS  
BANDAR SERI BEGAWAN**

**SURAT KUASA PUSAKA  
NO:  
LA/ 203 / 2009**

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan di-dengarkan Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **12 Januari 2010 pada jam 9.30 pagi**.  
Tarikh: 16 Disember 2009

**SURAT KUASA PUSAKA  
NO:  
LA/ 256 / 2009**

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Dayang Hajah Hasiah binti Haji Omar / Umar** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Orang Kaya Paduka Setia Diraja Abang Haji Abu Hanifah bin Orang Kaya Paduka Setia Diraja Abang Haji Bujang** yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **anak** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan di-dengarkan Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **19 Januari 2010 pada jam 9.30 pagi**.  
Tarikh: 15 Disember 2009.

**SURAT KUASA PUSAKA  
NO:  
LA/ 153 / 2009**

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Haji Idris bin Isa** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Hajah Halimah binti Haji Nawang** yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **suami** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan di-dengarkan Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **19 Januari 2010 pada jam 9.30 pagi**.  
Tarikh: 12 Disember 2009

**SURAT KUASA PUSAKA  
NO:  
LA/ 252 / 2009**

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Haji Mohd Rosli bin Haji Sabtu dan Hajah Rashidah binti Haji Sabtu** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Awang Haji Khalidi bin Awang Haji Sabtu** yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **anak** kepada si mati.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.



# سنبتون هاري ڤوليس SAMBUTAN HARI POLIS KE-89, TAHUN 2010

Mengukuhkan Kerjasama  
Bersama Masyarakat  
Memerangi  
Jenayah





## Peserta PSN XV mempersembahkan sajak di Majlis Makan Malam



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa memberikan jamuan makan malam kepada penyair-penyair Nusantara, berlangsung di kediaman Yang Berhormat, Kampung Sungai Besar. - Foto : Abdul Kadir Md. Tahir.

### BERITA MAHKAMAH

## Pegawai Teknik dihadapkan ke Mahkamah Majistret

BANDAR SERI BEGAWAN. - Seorang Pegawai Teknik di Jabatan Telekom Brunei (JTB), Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Haji Jaya telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan di atas satu pertuduhan di bawah Bab 165 Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22), baru-baru ini.

Hasil siasatan Biro Mencegah Rasuah mendapati bahawa tertuduh pada 21 Jun 2005

di kawasan letak kereta Pusat Memproses Mel dan Bungkus di Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas telah memperolehi untuk dirinya sendiri wang berjumlah BND21,000 (Dua Puluh Satu Ribu Ringgit), di mana BND2,000 (Dua Ribu Ringgit) berbentuk wang tunai manakala BND19,000 (Sembilan Belas Ribu Ringgit) berbentuk cek tunai, daripada seorang pekerja sebuah syarikat yang mengendalikan

satu projek JTB, yang mana tertuduh mengetahui pekerja tersebut mempunyai urusan kerja dengan beliau sebagai penyelia bagi projek tersebut.

Mahkamah memerintahkan tertuduh dibebaskan dengan ikat jamin sebanyak BND5,000 (Lima Ribu Ringgit) dan seorang penjamin tempatan dan mahkamah telah menelepon 22 Disember 2009 bagi sebutan lanjut.

## Ketua Pembantu Teknik dijatuhi hukuman penjara

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Disember. - Seorang Ketua Pembantu Teknik di Bahagian Pembinaan Jabatan Kerja Raya (JKR), Pengiran Haji Tengah bin Pengiran Haji Tajuddin telah dijatuhi hukuman 18 bulan dan 12 bulan penjara oleh Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan bagi kesalahan di bawah Bab 6 (a) Akta Pencegahan Rasuah (Penggal 131) dan Bab 165 Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22).

Hasil Siasatan Biro Mencegah Rasuah mendapati bahawa tertuduh pada 23 April 2005 di kawasan letak kereta Pusat Memproses Mel dan Bungkus di Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas telah dengan secara tidak jujur cuba untuk memperolehi wang suapan berjumlah BND2,000 (Dua Ribu Ringgit) dari dua orang pekerja sebuah syarikat yang mana BND200 (Dua Ratus Ringgit) telah pun diserahkan kepada beliau.

Wang tersebut merupakan sebagai dorongan untuk mempercepatkan pemeriksaan ke atas kerja-kerja pembinaan sebuah projek kerajaan.

Dalam pertuduhan kedua, tertuduh didapati bersalah kerana telah memperolehi untuk dirinya sendiri wang berjumlah BND200 (Dua Ratus Ringgit) dari dua orang pekerja sebuah syarikat yang mana tertuduh mengetahui pekerja-pekerja tersebut mempunyai urusan rasmi dengan beliau sebagai Ketua Pembantu Teknik di Bahagian Pembinaan, JKR bagi sebuah projek kerajaan.

Mahkamah memerintahkan supaya kedua hukuman dijalankan secara serentak.

KOTA BATU. - Para sasterawan yang menyertai Pertemuan Sasterawan Nusantara (PSN) XV yang berada di negara ini diadakan dalam satu Majlis Jamuan Makan Malam yang diberikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin, berlangsung di kediaman Yang Berhormat, Kampung Sungai Besar, baru-baru ini.

Di majlis tersebut, para jemputan mendengarkan sajak masing-masing serta persembahan.

Antaranya, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama dan Datin dengan nama pena Badaruddin H.O dan Maimunah Haji Omar juga menyampaikan sajak mereka.

Turut menyampaikan sajak di majlis berkenaan ialah Yahya M.S, Zairis M.S serta persembahan puisi daripada para

Oleh : Siti Zuraiyah Awang Sulaiman

pembentang dan peserta PSN XV.

Majlis turut diserikan dengan persembahan Tau-syeh dari kumpulan Al-Fattah, Masjid Kampong Sungai Hanching.

Juga hadir di Malam Sastera Nusantara, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Datu Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

PSN merupakan pertemuan para penulis, sasterawan, bahasawan dan peminat sastera Nusantara yang diadakan di Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura secara bergilir-gilir setiap dua tahun sekali.

Bagi Negara Brunei Darussalam, Angkatan Sasterawan dan Sasterawani Brunei (ASTERAWANI) telah menjadi tuan rumah PSN sebanyak tiga kali iaitu pada tahun 1985, 1994 dan 2001 dan tahun ini merupakan kali keempat Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah.

Tema PSN XV ialah 'Mencarukkan Kesasteraan Nusantara' dengan memfokuskan tokoh Muda Omar 'Ali Saifuddien dan tokoh-tokoh penulis Nusantara yang lainnya seperti Hamzah Fansuri dan Raja Ali Haji.

Sebanyak 16 kertas kerja dibentangkan pada PSN kali ini terdiri dari pembentang dalam dan luar negeri.

PSN kali ini dikendalikan oleh ASTERAWANI dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

## 'Respons Berkesan, Menyelamatkan Nyawa dan Impak Positif'

Oleh : Siti Zuraiyah Awang Sulaiman



PENGARAH Perkhidmatan Perubatan, Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil menyampaikan sijil kepada seorang peserta. - Foto : Azmah Haji Ahad.

leha (RIPAS) dengan wasannya untuk menjadi prahospital bagi penjagaan pesakit bertaraf dunia.

Kejayaan bengkel berkenaan adalah salah satu usaha bersetuju oleh kesemua pasukan EMAS yang diketuai oleh Ketua Latihan Strategi dan Dasar, Pemangku Pegawai Kejururawatan, Dayang Hajah Nora binti Haji Mohd. Yusof.

Dengan pelan kemajuan baru ini, ia merupakan satu matlamat EMAS di masa akan datang bagi membolehkannya mengambil lebih ramai lagi paramedik-paramedik yang terlatih dan menyediakan perkhidmatan cemerlang yang berkualiti dan mempunyai EMAS yang selari atau lebih baik di rantau ini.

**"RESPONS Berkesan, Menyelamatkan Nyawa dan Impak Positif' merupakan slogan bagi Perkhidmatan Perubatan Kecemasan Ambulans (EMAS) yang baru. Perkhidmatan ini unik kerana penyedia EMAS Brunei berada di barisan hadapan dan mereka melihat pesakit-pesakit yang tidak sihat dan mudah terjejas. Selain itu, mereka bertugas di bawah tekanan yang kuat dan menghadapi cabaran setiap kali mereka memberi tindak balas terhadap satu panggilan kecemasan."**

satu perjalanan yang amat penting kerana akan melaksanakan satu sistem baru yang akan membuat perubahan kepada seluruh negara.

Dalam pengambilan kaitangan baru pula tambahnya, ia bukanlah untuk mereka yang lemah semangat kerana EMAS bukan sahaja mahukan keghairahan tetapi juga pengalaman, kemahiran klinikal dan teknikal ke arah menyediakan penjagaan terbaik bagi pesakit luar dari persekitaran hospital yang dikawal.

Seramai 50 orang peserta terdiri dari doktor-doktor kecemasan, jururawat-jururawat, paramedik, kadet paramedik, kakitangan perkhidmatan kebakaran, kakitangan tentera dan kakitangan pentadbiran mengikuti bengkel yang diadakan di Pusat Promosi Kesihatan itu.

Sijil-sijil disempurnakan oleh Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil.

Bengkel dikendalikan oleh Pakar Penjagaan Pra-Hospital, Jerry Overton, selaku penceramah undangan yang menyampaikan maklumat-maklumat yang antaranya menyentuh topik 'Kepentingan Latihan dan Pengambaran EMAS', 'Dispatch and Penyelaras' serta 'Kepimpinan EMAS'.

Jerry Overton merupakan Ahli Lembaga Pengarah bagi Persatuan Dunia Bagi Bencana dan Perubatan Kecemasan, Ahli Lembaga Pengarah Persatuan Ambulans Amerika, bekas ketua Pegawai Eksekutif Pihak Berkusa Ambulans Richmond dan bekas Presiden Persatuan Ambulans Amerika.

Terdahulu beliau menjelaskan, Perkhidmatan Perubatan Kecemasan Ambulans, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Sa-

leha (RIPAS) dengan wasannya untuk menjadi prahospital bagi penjagaan pesakit bertaraf dunia.

Perkhidmatan ini unik kerana penyedia EMAS Brunei berada di barisan hadapan dan mereka melihat pesakit-pesakit yang tidak sihat dan mudah terjejas. Selain itu, mereka bertugas di bawah tekanan yang kuat dan menghadapi cabaran setiap kali mereka memberi tindak balas terhadap satu panggilan kecemasan."

# Basikalton kutip derma mangsa gempa bumi di Indonesia dan ribut Filipina

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 20 Disember. - Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Daerah Brunei dan Muara telah mengadakan basikalton bagi mengutip derma Tabung Kemanusiaan Mangsa Gempa Bumi di Indonesia dan Ribut Filipina.

Basikalton sejauh kira-kira 20 kilometer itu melalui beberapa batang jalan raya di ibu negara dan sebahagian kawasan Berakas bermula dan berakhir di Pusat Belia, di ibu negara.

Hadir melepaskan pa-

Oleh :  
Abu Bakar  
Haji Abdul Rahman

ra peserta bagi memulai basikalton tersebut, Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Pengiran Sabri bin Pengiran Haji Mohammad.

Basikalton ini disertai oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya serta orang awam yang lainnya.

Dengan adanya aktiviti-

ti seumpama ini bukan saja meningkatkan perasaan kemanusiaan sesama insan malah dapat meningkatkan perpaduan di kalangan pegawai dan kakitangan Jabatan Belia dan Sukan dengan belia-belia khasnya dan masyarakat awam, disamping untuk meningkatkan lagi semangat kebangsaan dan kekitaan di kalangan masyarakat awam serta menyerapkan nilai-nilai hidup bersosial, beragama, bernegara dalam sama-sama membantu mereka yang dalam kesusaahan.



TIMBALAN Pengarah Belia dan Sukan, Pengiran Sabri bin Pengiran Haji Mohammad semasa melancarkan basikalton mengelilingi Bandar Seri Begawan sambil menderma untuk Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Indonesia dan Ribut Filipina. - Foto : Abdullah Haji Awang Damit.

## KEMASYARAKATAN

# Cuti-cuti Temburong berjaya



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Mawardi bin Haji Abdullah menyampaikan sijil penghargaan kepada seorang Ahli Jawatankuasa Cuti-cuti Temburong 2009.

TEMBURONG, Ahad, 27 Disember. - Cuti-cuti Temburong 2009 melabuhkan tirainya apabila ianya ditutup dengan rasminya oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Haji Mawardi bin Haji Abdullah.

Pegawai Daerah Temburong, Awang Matusin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba, selaku Pengurus Cuti-cuti Temburong 2009 menyampaikan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua yang telah terlibat menjayakan semua program yang disusun di sepanjang berlangsungnya Cuti-cuti Temburong 2009.

Di majlis ini, tetamu kehormat turut menyampaikan sijil-sijil penghargaan kepada ahli-ahli jawatankuasa yang terlibat menjayakan Cuti-cuti Temburong ini.

**Berita dan Foto :**  
**Ampuan Roza**  
**Amalyati Ampuan Hussain**

adakan sejak tahun 2007.

Pengendalian program ini antaranya bertujuan bagi menggalakkan orang ramai bercuti di negara sendiri terutama di cuti penggal persekolahan, disamping untuk menarik lebih banyak kehadiran pelancong asing ke Negara Brunei Darussalam khususnya ke Daerah Temburong.

Selain itu, ianya juga diadakan bagi membantu Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) dan penduduk setempat untuk terus bergerak aktif dalam aktiviti ekonomi termasuk pelancongan dan kebudayaan.

Cuti-cuti Temburong, salah satu program penting dalam kalender aktiviti tahunan yang disusun di Daerah Temburong merupakan kali ketiga di-

bahan Kesenian dan Kebudayaan Masyarakat Tempatan, serta acara-acara khas yang diadakan pada setiap hari Ahad yang dimulakan dengan Pesta Pancing / Joran Nenggala Sungai Labu, acara 'Explorasi Temburong', Mini Karnival Flora Daerah Temburong, Perlawanan Tarik Kalat Terbuka serta Cabaran Bukit Patoi 2009.

Beberapa buah agensi kerajaan juga turut melibatkan diri sepanjang Cuti-cuti Temburong seperti Radio Televisyen Brunei (RTB) yang mengendalikan 'Karnival RTB', di samping penyertaan dari Jabatan Penyiaran, Jabatan Perdana Menteri serta agensi-agensi kerajaan lainnya.

## Penduduk Kampung Sungai Kebun lakukan kerja gotong-royong

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN. - Para penduduk Kampung Sungai Kebun melakukan kerja gotong-royong membersihkan bekas tapak kebakaran rumah dan kawasan letak kereta di Sungai Kebun dan sekitarnya, baru-baru ini.

Kempen dianjurkan oleh Majlis Perundingan Kampung Sungai Kebun dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Kebun, Balai Polis Kampung Ayer dan Masjid Al-Muhtadee Billah serta Jabatan Bandaran.

Lebih seratus orang menyertai kempen ini yang bertemakan 'Sentiasa Membuat Kebajikan Dengan Petunjuk Allah'.

Kempen kebersihan dan gotong-royong seumpama ini memberikan kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat betapa pentingnya kebersihan dan mengekalkan keindahan persekitaran yang sentiasa bersih dan ceria, di samping mencecahkan kembali kawasan-kawasan yang dicemari oleh longgokan sisa-sisa bekas bangunan rumah yang terbakar baru-baru ini dan longgokan sampah yang dibuang di merata tanah.

Dengan adanya kempen seumpama ini diharap dapat menanamkan tabiat membuang sampah ke tempat yang disediakan bagi mengelakkan pembuangan sampah yang akibat persekitaran yang tidak bersih.



PARA penduduk Kampung Sungai Kebun melakukan kerja gotong-royong membersihkan bekas tapak kebakaran rumah dan kawasan letak kereta di Sungai Kebun dan sekitarnya. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

**KEMPEN kebersihan dan gotong-royong seumpama ini memberikan kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat betapa pentingnya kebersihan dan mengekalkan keindahan persekitaran yang sentiasa bersih dan ceria**

## Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang baru menamatkan perkhidmatannya, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Juga mengadap ialah Pemerintah ABDB yang baru, Mejai Jeneral Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Awang Abidin.

Majlis Mengadap berlangsung di Istana Nurul

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Iman, di sini.

Yang Dimuliakan menerima mengadap tugasnya kepada Pemerintah ABDB yang baru dalam satu Majlis Upacara Serah Terima Tugas Jawatan Pemerintah ABDB, berlangsung di Perkhidmatan Tutong.

Yang Dimuliakan mula berkhidmat dengan ABDB pada 11 Ogos 1975 yang ketika itu dikenali dengan Askar Melayu Diraja Brunei (AMD).

Beliau ditauliahkan pangkat Leutenant Muda pada 7 April 1977 setelah menamatkan Kursus Pegawai Kadet Standard Military Course No 13 di Royal Military Academy Sandhurst, United Kingdom dan seterusnya menjadi Pemerintah ABDB pada 28 Mac 2003 bagi menggantikan pemerintah ABDB yang terdahulu setelah menyerahturunkan tugasnya.

Manakala Mejai Jeneral Haji Aminuddin Ihsan yang berusia 43 tahun mula berkhidmat dengan ABDB sebagai Leutenant pada 19 September 1988.

Beliau yang merupakan lepasan Ijazah Sarjana Muda di bidang Kejuruteraan Sivil dan Ijazah Lanjutan di bidang Pengajian Tentera pernah menjawat beberapa jawatan seperti Ketua Platin di Kompeni D Batalion Pertama Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Ketua Trup di Batalion Bantu TDDB, Pegawai Memerintah di Batalion Infantri, Ketua Cawangan Penyelidikan dan Pegawai Staf di Jabatan Perancangan Strategik, Timbalan Pegawai Pemerintah dan Pegawai Pemerintah di Batalion Kedua (2Bn) TDDB, selain menjadi Komandan Institut Latihan ABDB dan Pemerintah TDDB pada 12 Disember 2008.



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASNAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BERKENAN MENERIMA MENGADAP PEMERINTAH ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI (ABDB) YANG BARU MENAMATKAN PERKHIDMATANNYA, YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU LAILARAJA MEJAI JENERAL DATO PADUKA SERI HAJI AWANG HALBI BIN HAJI MOHD. YUSSOF DAN PEMERINTAH ABDB YANG BARU, MEJAI JENERAL HAJI AMINUDDIN IHSAH BIN PEHIN ORANG KAYA SAIFUL MULOK DATO SERI PADUKA HAJI AWANG ABIDIN.**

### Berkenan menghantar perutusan takziah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan takziah kepada Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dr. Haji Susilo Bambang Yudhoyono berikut dengan kembalinya ke rahmatullah bekas Presiden Republik Indonesia, Bapak Abdurrahman Wahid.

Dalam perutusan tersebut Kebawah Duli Yang Maha Mulia melahirkan perasaan amat dukacita di atas kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Bapak Abdurrahman Wahid.

Seterusnya, Kebawah DYMM dan keluarga baginda serta bagi pihak kerajaan baginda dan juga rakyat Negara Brunei Darussalam menyampaikan ucapan takziah dan simpati kepada Tuan Yang Terutama dan terutamanya kepada keluarga Allahyarham.

Pada mengakhiri perutusan tersebut, baginda berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'alai semoga roh Allahyarham ditempatkan di kalangan roh-roh para solehin.

### Lebih 7,000 pelajar Tahun 7 mulakan sesi persekolahan 2010

Oleh : Zabaidah Haji Salat

Jumlah tersebut termasuk 1,210 pelajar dari sekolah-sekolah swasta yang diterima masuk ke sekolah menengah kerajaan di seluruh negara pada tahun 2010. Walau bagaimanapun jumlah tersebut tidak termasuk bagi sekolah-sekolah menengah swasta di seluruh negara.

Jumlah terbesar yang akan menerima kemasukan pelajar-pelajar tersebut ialah sekolah-sekolah menengah di Daerah Brunei dan Muara sebanyak 18 buah sekolah, sementara bagi Daerah Tutong, lima buah sekolah, Daerah Belait, lima buah sekolah dan sebuah di Daerah Temburong.

Pelajar-pelajar tersebut ialah lulusan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) tahun ini (2009) yang telah menerima keputusan masing-masing pada awal bulan November 2009.

Penolong Pengarah Bahagian Menengah, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Kassim bin Mohammad Yassin semasa ditemu bual.

- Foto : Abdul Kadir Md. Tahir.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Disember. - Sebanyak 29 buah sekolah menengah seluruh negara kini siap sedia untuk menerima lebih 7,000 kemasukan pelajar baru Tahun 7 yang dijangka akan memulakan sesi persekolahan pada bulan Januari 2010 depan.



## Jangan lupa bersyukur

Oleh : Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,  
Samle Haji Jait

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menitahkan supaya rakyat dan penduduk negara ini jangan lupa untuk bersyukur kerana negara berjaya melalui liku-liku tahun 2009 dengan penuh cekal sekalipun mengalami sedikit kejutan dan memasuki Tahun Baru Masihi 2010 dengan perasaan gembira.

Dalam titah perutusan baginda sempena Tahun Baru Masihi 2010 yang disiarkan melalui Radio Televisyen Brunei, baginda menegaskan pada tahun 2009 negara mengalami kejutan, berupa beberapa kejadian yang jarang-jarang berlaku, seperti banjir dan tanah susur dan kemudian menyusuli pula Influenza A (H1N1).

Ini semua titah baginda

semuanya mempunyai hikmah, selaku isyarat. Supaya kita sentiasa bijak dan siap siaga menanggungnya.

Baginda menyarankan di antara cara yang bijak itu ialah menyiapkan diri dengan perancangan-perancangan besar, dan tidak mengapa kalau perancangan-perancangan itu diasaskan kepada senario kes terburuk (*worst-case scenario*), kerana dengan cara itu persediaan kita akan lebih kemas lagi bagi menghadapi cabaran dan keadaan-keadaan mendatang.

Dalam titah tersebut, baginda merakamkan ucapan setinggi-tinggi

penghargaan dan terima kasih kepada semua peringkat pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam, pasukan-pasukan keselamatan dan juga kepada mereka yang berkhidmat dengan sektor swasta di atas segala usaha mereka melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

"Di kesempatan ini juga, beta dan keluarga beta tidak lupa mengucapkan Selamat Tahun Baru Masihi 2010 kepada seluruh rakyat dan penduduk dan mengajak mereka untuk sama-sama berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'alai melimpahkan rahmat dan pemeliharaan-Nya kepada kita dan negara," titah baginda.

### Perkhidmatan Awam perlu ada integriti

## TELUS TANPA PILIH KASIH DAN RASUAH

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah Perkhidmatan Awam perlu memiliki integriti.

"Jika negara menemui etika perkhidmatannya yang telus tanpa pilih kasih dan rasuah, maka insya-Allah, apa jua yang dirancang dan diusahakan akan berjalan dengan lancar dan berkat," titah perutusan baginda sempena menyambut Tahun Baru Masihi 2010.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah tanpa integriti, sesbuah negara boleh runtuh atau paling tidak, akan kehilangan daya membangunnya.

Menyentuh perkembangan serantau dan antarabangsa, baginda bertitah negara juga tidak boleh lari me-

lainkan mesti sama-sama menghadapi pelbagai cabaran atau dugaan.

"Yang paling penting bagi kita ialah membina sikap terus berbaik-baik dengan semua negara sahabat di dunia. Prinsip ini kita pegang, selaras dengan ajaran agama kita sendiri, yang menghendaki umatnya supaya saling berkenalan dengan semua bangsa dan kaum di dunia," titah baginda.

Bagaimanapun baginda bertitah menekankan perkenalan itu hendaklah diikat oleh prasyarat 'hormat-menghormati' dan dalam erti kata, kita menghormati sahabat dan sahabat juga menghormati kita.

Menurut baginda ia diterjemahkan melalui pelbagai tindak-tanduk, termasuk perkataan, tulisan dan seumpamanya, namun apa-apa jua yang boleh menyenggung perasaan sahabat, semua itu dapat saja dianggap sebagai tidak memenuhi prasyarat tersebut.

### SKIM PERSARAAN CARUMAN TAMBAHAN BERKUAT KUASA 1 JANUARI 2010

دربیتکن اوله جباتن فراغن، جباتن فردان منtri دان ڈچیق اوله جباتن ڈرچیق کراجان، نکارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.